

PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

INFO

BIL. 2/2024 ISSN 0127-1023



LAMAI DAYA



INSTITUT KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN IPOH

DIRASMIKAN OLEH

Selamat berbahagia kepada
johor koperasi negara

YB. DATU^{AN}
Men^gisteri
IKM^A
NEICK
SAHAWAN
KUSKOP
25 NOVEMP^{BER}
an Pejabat IKMa Cawangan

Koperasi Pintar Kemajuan
Melalui Kecerdasan
Buatan (AI)

E-Invois: Digitalisasi
Pengurusan
Pentadbiran
Cukai Koperasi

IKMa Perkuuh
Pendidikan dan Latihan
Koperasi di Perak



Sidang Editor

Penasihat

YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor

Ketua Editor

Hamidah Mohd Jos

Editor

Nor Aslamiah Ali

Nur Syazwani Zainul Abidin

Mohamad Suandi Mortadza

R. Zarinautun Mohd Abdul Kader

Ju Samsuddin Safian

Norawati Ngatmin

Norafidah Ismail@Yaacob

Adila Hashim

Maryam Hamidah Mohd Ghazi

Afiza Abdul Karim

Wan Nur'Ain Wan Abd. Rahim

Nor Azmawati Hj. Mohd Shafii

Mohamad Haniff Mohamad

Hashim

Nazirah Baharudin

Julizah Sabstu

Nuur-Fadzillah Zullkepli

Norul Hayatie Hashim

Muhamad Shafiq Mohd Noor

Norfaezah Mahmood

Zaharatul Laili Zakaria

Nur Ain Azmira Abu Seman

Urus Setia

Sharepah Nur Azirah Shareh

Abd Rahman

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum dan Salam sejahtera

Alhamsdulillah, segala puji bagi Allah SWT atas Akurniaannya dapatlah Majalah INFO bil. 2/2024 ini diterbitkan dengan jayanya. Sekalung penghargaan buat para pembaca yang sentiasa menyokong hasil penerbitan IKMa. Buat para koperator yang masih belum berkesempatan untuk mengenali IKMa secara dekat, IKMa sangat mengalu-alukan para koperator untuk membaca Majalah INFO bagi mendapatkan gambaran tentang pelbagai program menarik yang dijalankan oleh IKMa sebagai satu-satunya pusat latihan dan pendidikan koperasi.

Menelusuri sepanjang tahun 2024, IKMa telah mencapai pelbagai kejayaan melalui pelaksanaan program-program yang menarik khusus untuk gerakan koperasi di seluruh Malaysia. Sebanyak 579 program berjaya dilaksanakan, melebihi sasaran 570 program yang ditetapkan. Pencapaian ini membuktikan komitmen IKMa dalam menyokong dan memajukan gerakan koperasi di Malaysia, terutamanya dalam aspek bimbingan dan latihan. Bagi tahun 2025, IKMa menawarkan sebanyak 650 program yang lebih menarik dan bermanfaat kepada para koperator. Semoga dengan penawaran program-program ini secara tidak langsung dapat menarik lebih ramai lagi peserta seterusnya dapat menyuntik semangat berkoperasi dalam merealisasikan aspirasi Dasar Koperasi Malaysia 2030.

Justeru, melalui penerbitan Majalah INFO kali ini, beberapa rencana menarik dihidangkan bagi menyorot kembali program yang telah dijalankan oleh IKMa sepanjang Julai sehingga Disember 2024. Segmen Eksklusif kali ini pula berlatarbelakangkan majlis perasmian pejabat IKMa yang baharu di cawangan Ipoh. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedict, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di Kompleks Perdagangan DWJ@Meru, Bandar Meru Raya. Melalui pelebaran sayap IKMa ke cawangan Ipoh ini diharapkan dapat menjadikan IKMa sebagai pusat latihan koperasi yang dapat memacu prestasi dan potensi sektor koperasi di negeri Perak.

Beberapa artikel lain turut disajikan kepada para pembaca termasuklah program yang dijalankan di zon-zon dan cawangan IKMa. Para koperator yang berminat untuk mendapatkan informasi mengenai program-program yang ditawarkan oleh IKMa, boleh melayari laman web IKMa di <http://www.ikma.edu.my>.

Akhir kalam, IKMa akan terus berusaha mencambahkan ideologi kelestarian ilmu perkoperasian untuk garapan anggota koperasi dan masyarakat umum. Semoga para pembaca mendapat percambahan ilmu menerusi pembacaan dalam Majalah INFO kali ini.

Selamat Tahun Baharu 2025.

Sekian.

Hamidah Mohd Jos



Kandungan

EKSKLUSIF

- 4 IKMa Perkukuh Pendidikan dan Latihan Koperasi di Perak
- 6 Lawatan Rasmi KSU KUSKOP ke IKMa
- 8 Perasmian Pejabat IKMa Zon Sarawak Cawangan Miri: Sederhana Namun Meriah
- 10 KUSKOP anjur MasKop MADANI & DigiKop
- 12 Upacara Pertukaran Surat Niat (Lol) antara UMS dan IKMa

FOKUS

- 13 Teknologi Artificial Intelligence (AI): Transformasi Pengurusan Perniagaan Koperasi
- 15 Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Perak
- 17 Koperasi Pintar Kemajuan Melalui Kecerdasan Buatan (AI)
- 19 Seminar Transformasi Perniagaan Koperasi Melalui Adaptasi Kecerdasan Buatan (AI)

PERSPEKTIF

- 21 Teknologi Artificial Intelligence (AI): Memperkasa Perniagaan Koperasi
- 23 Bengkel Perbincangan Modul Latihan Syariah
- 24 Potensi Perniagaan Dobi Layan Diri
- 25 Potensi Perniagaan Produk OEM (Kambing, Lembu dan Ayam Perap)
- 27 Tambah Nilai Tadbir Urus Koperasi
- 29 Membangun Kesejahteraan Komuniti Melalui Koperasi
- 31 Mendepani Era Digitalisasi Jangan Lelah, Jangan Rebah
- 33 E-Invois: Digitalisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi
- 35 Memperkasa Komuniti Melalui Koperasi
- 37 Bengkel Susun Atur dan Peragaan
- 38 Bengkel Lawatan dan Padanan Perniagaan Sektor Pelancongan Agro
- 41 Bicara Siswa: Memperkukuh Keusahawanan Koperasi dalam Kalangan Mahasiswa



- 44 Revolusi Model Perniagaan dengan Kecerdasan Buatan: Peluang dan Cabaran
- 45 Program Anjuran Bersama antara IKMa Cawangan Tawau dan ANGKASA Selangor

JARINGAN

- 47 Lawatan ke Koperasi Anak Merdeka Johor Berhad
- 49 Cooperative Edutour Lawatan Sambil Belajar dari Universiti Pengurusan Koperasi IKOPIN, Indonesia
- 51 Cooperative Edutour Kerjasama Strategik IKMa dan STIESA
- 53 Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) KoIKMa dengan Koperasi Pelancongan North Borneo Semporna Berhad dan Rakyat Trustee Berhad
- 55 Lawatan ke Koperasi Komuniti Cakna Wakaf Tapai Marang Berhad
- 56 Pemerksaan Koperasi Melalui Program Cooperative Leadership Training (CLT)
- 59 Lawatan ke Kilang Emas Koperasi Muamalat Berhad & Nubex Sdn. Bhd.
- 60 Kunjungan Hormat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ke Institut Koperasi Malaysia
- 62 Program Regatta Lepa di Semporna, Sabah
- 64 IKMa Tingkatkan Kesedaran Mahasiswa USIM Tentang Peluang Koperasi
- 65 Program Graduan ke Koperasi (G2K) Buka Peluang Emas untuk Mahasiswa UPNM
- 66 Transformasi Generasi Muda Melalui Program Graduan ke Koperasi
- 67 Kursus Sijil Pengurusan Koperasi: Persediaan Graduan Menyertai Dunia Koperasi

BERITA KAKITANGAN

- 69 Hari Sukan IKMa Zon Selatan: Pertandingan Boling
- 70 1st Asia-Pacific Young Farmers Camp and Agrilympics (AP-YFCA)
- 73 Ekspedisi Menawan Gunung Rinjani – Kelab Sukan dan Sosial IKMa





IKMa Perkuuh Pendidikan dan Latihan Koperasi di Perak

Nor Fatiyah Yahya

norfatiyah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia (Cawangan Ipoh)

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah melancarkan dua inisiatif utama yang memberi impak besar kepada gerakan koperasi dan masyarakat terutamanya di negeri Perak. Majlis Perasmian Pejabat IKMa Cawangan Ipoh telah diadakan pada 25 November 2024. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedict, Menteri

Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di Kompleks Perdagangan DWJ@Meru, Bandar Meru Raya dan turut berlangsung pelancaran Tabung Pendidikan ISDEF-UKKM yang membawa harapan baharu kepada pelajar kurang berkemampuan untuk meneruskan pengajian tinggi tanpa memikirkan isu kewangan.

Majlis perasmian tersebut turut dihadiri oleh Tuan Onn bin Abu Bakar, Pengerusi Lembaga IKMa, YBhg. Datuk Dr. Rosli bin Mat Hassan, Pengerusi Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia, Encik Mohd. Najib bin Mohd. Noor, Pengerusi Islamic Sosioeconomics Development Foundation (ISDEF), Encik Mohd

Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa, dan Puan Nur Faeza binti Yahya, Ketua IKMa Cawangan Ipoh.

Semasa ucapan YB Datuk Ewon Benedick, beliau memberi keyakinan bahawa operasi IKMa sebagai pusat latihan koperasi utama di dalam negara mampu memacu prestasi dan potensi sektor koperasi di negeri Perak, sekaligus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Beliau turut memaklumkan bahawa kejayaan 11 koperasi dari negeri Perak yang tersenarai dalam 100 koperasi terbaik merupakan manifestasi dan cerminan hasil usaha berterusan daripada pihak IKMa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

IKMa Cawangan Ipoh telah ditubuhkan pada 1 Mac 2022 bertempat di No 54, Kompleks Perdagangan DWJ@Meru, Jalan Meru Bistari D1, Bandar Meru Raya, 30020, Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Mercu tanda pejabat IKMa Cawangan Ipoh

adalah bersebelahan dengan terminal bas Amanjaya Meru Ipoh, Perak dan berhadapan dengan Mydin Meru Ipoh, Perak. IKMa Cawangan Ipoh telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 2023 yang menjadi pusat kecemerlangan pembangunan pendidikan bagi koperasi dan menawarkan pelbagai program latihan termasuk pengurusan kewangan, keusahawanan, dan digitalisasi. Secara keseluruhan, pada tahun 2023 sebanyak 25 buah program telah berjaya dilaksanakan, manakala pada tahun 2024 sebanyak 35 buah program telah dilaksanakan. Oleh yang demikian, IKMa Cawangan Ipoh telah menyusun beberapa program latihan dan bimbingan bersasar pada tahun 2025 dalam memacu kecemerlangan gerakan koperasi di negeri Perak khususnya dalam membantu menambah baik bidang-bidang asas pengurusan, tadbir urus koperasi dan program berkaitan digitalisasi bagi memperkasa urusan

pentadbiran dan memacu kegiatan ekonomi koperasi. Antara program yang telah dirancangkan pada tahun 2025 ialah program Jom@ Coop, Tunas-Kop, INPAK, C.O.D.E dan program kolaborasi antara IKMa Cawangan Ipoh bersama Kerajaan Negeri Perak dan Pusat Pengajian Tinggi.

Pada masa yang sama, YB Datuk Ewon Benedick turut melancarkan Tabung Pendidikan Islamic Socioeconomic Development Foundation (ISDEF) ISDEF-Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM). Tabung pendidikan hasil inisiatif UKKM bersama ISDEF adalah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang layak untuk meneruskan pengajian tanpa halangan kewangan. Beliau yang juga Canselor UKKM berkata, langkah itu bagi memastikan pelajar berpendapatan rendah (B40) tidak tercicir dalam melanjutkan peluang pendidikan tinggi khususnya dalam bidang pengajian koperasi.



YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) Melancarkan Tabung Pendidikan ISDEF - UKKM.



Kakitangan IKMa bersama YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Lawatan Rasmi KSU KUSKOP ke IKMa

Nur Ain Azmira Abu Seman
azmira@ikma.edu.my
Unit Komunikasi Korporat



Encik Mohd Zaib Mat Yunus menerangkan fungsi Makmal Teknologi IR4.0 di Perpustakaan Tan Sri Noh Omar, IKMa Petaling Jaya.



YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud menandatangani buku lawatan tanda kehadiran ke Institut Koperasi Malaysia.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) mengalu-alukan ketibaan YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), bersama delegasinya ke IKMa sempena pelantikan beliau sebagai Ketua Setiausaha KUSKOP yang baharu pada 5 September 2024 menggantikan YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad.

Ketibaan YBhg. Dato' Sri KSU telah disambut mesra oleh kakitangan IKMa diketuai oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor selaku Ketua Pengarah IKMa. Lawatan rasmi oleh YBhg. Dato' KSU dimulakan dengan sesi taklimat yang dipimpin oleh Ketua Pengarah IKMa. Manakala, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa telah membentangkan program pembangunan modal insan untuk koperator dan usahawan dan Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan

Ketua Pengarah Pengurusan, turut berkongsi mengenai tatakelola dan pengurusan IKMa. Dalam sesi taklimat ini juga, YBhg. Prof. Dato' Dr. Azali bin Mohamed selaku Naib Canselor Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) juga memberi taklimat mengenai program-program yang ditawarkan oleh UKKM.

Sepanjang sesi taklimat lawatan ini, YBhg. Dato' KSU menyatakan bahawa beliau akan cuba membantu pihak Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) untuk meningkatkan bilangan pelajar serta membantu memperkenalkan UKKM dengan pihak-pihak berkaitan dalam usaha untuk meningkatkan lagi keupayaan UKKM menjadi salah satu universiti yang dikenali.

Selain itu, beliau juga telah memberi saranan kepada pengurusan IKMa agar mencari jalan dalam usaha untuk menyelesaikan isu berhubung hak pemilikan tanah dan juga isu pembayaran cukai tanah Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor. Beliau juga meminta agar isu ini dapat diselesaikan dengan kadar segera.



Penyerahan momento IKMa oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa kepada YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud.

Beliau juga memaklumkan bahawa pihak beliau akan mengkaji dahulu berkaitan lokasi dan penempatan bangunan baharu IKMa yang dicadangkan di Cyberjaya.

Dalam sesi taklimat sempena kunjungan rasmi ini juga, YBhg. Dato' KSU telah mencadangkan **produk-produk yang terdapat di inkubator supaya dikaji dan diusahakan dengan lebih serius kerana produk-produk ini dilihat berpotensi tinggi untuk menjana pendapatan bagi IKMa**. YBhg. Dato' KSU turut memberi

saranan kepada IKMa agar terus melaksanakan tanggungjawabnya yang telah ditetapkan dan beliau **berhasrat untuk melihat IKMa menjadi salah satu pusat latihan yang mampu melahirkan tenaga pakar dalam bidang yang khusus berkaitan koperasi seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)**.

Justeru, diharap agar sesi lawatan rasmi oleh YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini secara tidak langsung dapat memberikan buah fikiran dan semangat kepada warga Institut Koperasi Malaysia (IKMa) agar terus memberikan yang terbaik dalam memberikan perkhidmatan kepada usahawan-usahawan di negara ini selain menjadi titik tolak kepada usaha untuk menjadikan Institut Koperasi Malaysia sebagai pusat latihan yang mampu melahirkan pakar-pakar dalam bidang keusahawanan dan koperasi.



Sesi taklimat oleh barisan pengurusan tertinggi IKMa dan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) kepada YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud.

Perasmian Pejabat IKMa Zon Sarawak Cawangan Miri: Sederhana Namun Meriah

Syarifah Rohaya Wan Idris

syarifah@kma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak (Cawangan Miri)



YB Tuan Onn diminta untuk menandatangani Plak Perasmian Pejabat IKMa Zon Sarawak (Cawangan Miri) sambil diperhatikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali sebagai simbolik perasmian.



YB Tuan Onn diminta untuk menyumpit belon sebagai gimik perasmian pada hari itu. Ahli Lembaga Pengarah lain turut menunjukkan bakat masing-masing.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak Cawangan Miri telah mengadakan majlis perasmian pembukaan pejabat cawangan baharu di Miri Times Square, Miri, Sarawak pada 11 Julai 2024. Majlis yang disambut sederhana namun meriah ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Onn bin Abu Bakar, Pengurus Lembaga Pengarah IKMa. Turut hadir ialah YB Tuan Chiew Choon Man, Ahli Parlimen Miri, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, Ahli Lembaga Pengarah IKMa serta barisan pengurusan tertinggi IKMa.

IKMa sebagai sebuah institusi yang berperanan dalam memperkasa dan menyokong pembangunan ekonomi gerakan koperasi di Malaysia dengan menyediakan latihan dan pendidikan kepada koperasi seluruh negara. Dengan adanya pejabat baharu di Miri,

IKMa dapat mendekati masyarakat dan koperasi di kawasan utara Sarawak yang merangkumi Miri, Bintulu, Limbang, dan Lawas. Pembukaan pejabat ini bertujuan untuk meningkatkan akses kepada sumber daya pendidikan dan sokongan teknikal bagi koperasi-koperasi tempatan di kawasan ini.

Acara bermula seawal jam 2.30 petang dengan ketibaan tetamu jemputan yang disambut dengan tarian Rampaian Malaysia, dipersembahkan oleh kumpulan tarian dari Koperasi SMK Merbau Berhad. Tarian ini menggambarkan budaya pelbagai kaum yang terdapat di Sarawak, memperlihatkan semangat muhibah dan perpaduan yang juga menjadi asas kepada gerakan koperasi. Setelah selesai tarian, perasmian dan beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah diminta untuk menyumpit belon sebagai

gimik perasmian, satu simbol budaya tempatan yang dihormati.

Majlis ini diteruskan dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh pegawai Jabatan Agama Islam Miri, sebelum upacara simbolik perasmian berlangsung. Dalam upacara ini, YB Tuan Onn menandatangani plak perasmian sambil diperhatikan oleh YB Tuan Chiew, YBhg. Datuk Mohd Ali, dan Ahli Lembaga Pengarah yang lain serta semua para tetamu undangan.

Pejabat baharu IKMa Cawangan Miri ini dijangka dapat memberi impak positif kepada komuniti di kawasan utara Sarawak. Sebagai pusat yang menawarkan pelbagai program latihan dan pembangunan koperasi, pejabat ini menyediakan sokongan kepada koperasi tempatan dalam pelbagai aspek, seperti tadbir urus dan perundangan,

kewangan, dan perniagaan. Ini akan membantu mempertingkatkan kemahiran anggota koperasi dalam menguruskan perniagaan mereka dengan lebih efektif.

Dalam ucapan perasmian YB Tuan Onn semasa menyempurnakan majlis perasmian penutupan bicara ilmu yang diadakan pada sebelah pagi, beliau menegaskan pentingnya gerakan koperasi sebagai satu model ekonomi yang berdaya tahan dan mampu membantu masyarakat meningkatkan taraf hidup mereka. Beliau menyatakan harapan agar pembukaan pejabat ini menjadi titik tolak kepada usaha memperluaskan pengaruh koperasi di kawasan luar bandar. "IKMa sentiasa komited dalam memacu pembangunan koperasi di seluruh negara melalui pendidikan dan latihan yang komprehensif, dan dengan adanya cawangan di Miri ini, kita dapat menyampaikan perkhidmatan yang lebih dekat dan menyeluruh kepada rakyat di Sarawak," kata YB Tuan Onn.


YB Tuan Chiew Choon Man, Ahli Parlimen Miri, turut menyatakan rasa bangganya atas pembukaan pejabat ini. Menurut beliau, kehadiran IKMa di Miri akan memperkasa koperasi

tempatan serta membantu masyarakat Miri dan sekitarnya meningkatkan tahap ekonomi mereka melalui kerjasama dan usaha kolektif.

Perasmi dan tetamu jemputan kemudiannya dibawa melawat sekitar pejabat baharu IKMa Cawangan Miri. Sesi sidang media turut diadakan untuk memberikan pendedahan lanjut mengenai peranan dan program pendidikan yang disediakan oleh pejabat ini, khususnya kepada gerakan koperasi di bahagian Utara Sarawak yang meliputi bahagian Miri, Bintulu, Limbang, dan Lawas. Dalam sesi ini, YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor menyampaikan penerangan tentang inisiatif-inisiatif yang akan diperkenalkan, khususnya bagi gerakan koperasi di kawasan utara Sarawak. Beliau juga menyatakan bahawa IKMa sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan agensi persekutuan dan negeri yang berada di Miri serta koperasi tempatan dalam memastikan gerakan koperasi di utara Sarawak mendapat latihan yang mencukupi untuk berkembang maju. Beliau menegaskan bahawa majlis perasmian ini bukan sekadar acara *ceremonial*, tetapi mencerminkan komitmen IKMa untuk memperkuuh

kedudukan koperasi sebagai enjin pembangunan ekonomi tempatan.

Majlis perasmian ini berakhir sekitar jam 3.30 petang dengan jamuan hi-tea yang dihidangkan di Restoran Asianeka. Secara keseluruhannya, majlis perasmian pejabat baharu IKMa Cawangan Miri ini diharap dapat memberi impak positif dan menonjolkan komitmen IKMa untuk terus memperluas pengkhususan latihan koperasi di seluruh negara. Pembukaan pejabat ini bukan sahaja sebagai satu langkah strategik, tetapi juga satu janji IKMa dalam menyokong pembangunan sosioekonomi rakyat Sarawak melalui model ekonomi koperasi yang inklusif dan berdaya tahan. Dengan adanya pejabat IKMa di Miri, adalah diharapkan bahawa gerakan koperasi di kawasan utara Sarawak dapat terus berkembang maju, memperkuuhkan ekonomi tempatan, dan menjadi pemangkin kepada kesejahteraan komuniti. IKMa juga berharap agar pejabat ini menjadi pusat penyebaran ilmu koperasi yang dapat memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang, selaras dengan visinya ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi yang unggul.



YB Tuan Onn menandatangani buku pelawat di bilik mesyuarat dan diperhatikan oleh barisan Ahli Lembaga Pengarah dan YB Tuan Chiew.



YB Tuan Onn bersama YB Chiew, YBhg. Datuk Mohd Ali serta barisan Ahli Lembaga Pengarah IKMa dan tetamu jemputan bergambar bersama usai majlis perasmian.

KUSKOP anjur MasKop MADANI & DigiKOP

Nasuha Nezuakifli
nasuha@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Lawatan JEJAK Koperasi ke Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad.

YB Datuk Ewon Benedick dan delegasi di Auditorium Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah menganjurkan Program Memasyarakatkan Koperasi MADANI (MasKop MADANI) dan Program Transformasi dan Digitalisasi (DigiKOP) pada 15 Ogos 2024 bertempat di Auditorium Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Objektif penganjuran program MasKop dan DigiKOP ialah untuk memupuk semangat berkoperasi di samping

meningkatkan pengetahuan orang ramai berkaitan koperasi. Program ini juga merupakan satu platform untuk menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan gerakan koperasi kepada orang awam. Program ini melibatkan kerjasama antara agensi dan koperasi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysi (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA).

IKMa Zon Utara dan Unit Komunikasi Korporat, IKMa terlibat

sebagai urus setia program, pempamer dan juga penganjur bagi Majlis Makan Malam bersama YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di Wan Thai Langkawi Restaurant, Kuah, Langkawi. Majlis makan malam ini juga dihadiri oleh YBhg. Leftenan Jeneral Datuk Ahmad Norihan bin Jalal (B) (Pengerusi, Lembaga Suruhanjaya Koperasi Malaysia), YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor (Ketua Pengarah, Institut Koperasi Malaysia) dan YBhg. Datuk Haslina binti Abdul Hamid selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO LADA).



Perasmian Lori ais Koperasi Pengusaha dan Pemandu Kereta Sewa/Teksi dan Limosin Langkawi Berhad.



Perasmian Kedai Serbaneka Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat Berhad.

Antara pengisian dalam program ini adalah sesi forum bertajuk "Ekosistem dan Manfaat Berkoperasi" disampaikan oleh panel jemputan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Forum ini menerangkan tentang landskap koperasi negara serta fungsi dan peranan setiap agensi dalam mengerakkan dan membangunkan sektor koperasi. Selain itu, KUSKOP dengan kerjasama MYNIC, salah satu agensi di bawah Kementerian Digital telah menyampaikan taklimat berkaitan penyampaian maklumat secara digital sebagai salah satu langkah untuk mempersiapkan anggota koperasi mengadaptasi penggunaan teknologi digital dalam pengurusan dan aktiviti perniagaan koperasi, turut dihadiri Koperasi Tanjong Keramat Malaysia Berhad untuk memberi penerangan mengenai aplikasi TaptapLah.

Dalam program yang sama juga, YB Datuk Ewon Benedick turut menyampaikan bantuan Jejak Koperasi (JEJAK) untuk gerakan Koperasi Negeri Kedah diwakili oleh Koperasi

Pembangunan Daerah Langkawi Berhad sebanyak RM200,000 serta penyerahan plaque IKMaLatih kepada dua buah koperasi iaitu Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad (KILIM) dan Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat Berhad (KOTUBAS). Selain itu, atas dasar keprihatinan kepada masyarakat dan komuniti, KUSKOP melalui ANGKASA juga tidak ketinggalan memberikan sumbangan CSR berbentuk bakul makanan terdiri daripada barang keperluan asas bernilai RM100 setiap bakul.

YB Datuk Ewon Benedick turut melawat reraui pameran dari beberapa agensi dan koperasi serta membuat

lawatan ringkas di beberapa ruang utama di dalam bangunan LADA. Pada sebelah petang, YB Datuk Menteri berkesempatan mengikuti program lawatan JEJAK Koperasi di tiga buah koperasi di Langkawi iaitu Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad (KILIM), Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba & Selat Berhad (KOTUBAS) dan Koperasi Pengusaha dan Pemandu Kereta Sewa/Teksi dan Limosin Langkawi Berhad. Justeru, jalinan kerjasama yang terjalin daripada program seumpama ini akan menjadi pencetus semangat warga koperator untuk terus menggilap nama koperasi ke persada yang lebih baik di masa hadapan.



YB Datuk Ewon Benedick dan delegasi di Wan Thai Langkawi Restaurant.

Upacara Pertukaran Surat Niat (Lol) antara UMS dan IKMa

Jaibit Jaudin
jaibit@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Bersempena dengan perasmian penutup Karnival PROTEGE KUSKOP Zon Borneo (Sabah) Tahun 2024 di Sabah International Convention Centre (SICC) pada 27 Oktober 2024, YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah sudi menyaksikan sesi Pertukaran Surat Niat (Letter of Intent) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Dengan Pertukaran Surat Niat tersebut, UMS dan IKMa bersetuju untuk menyusun Memorandum Persefahaman

(MoU) pada masa hadapan bagi meningkatkan kerjasama dan pertukaran dalam pelbagai bidang dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan jangka panjang bagi kedua-dua pihak iaitu pertama, bekerjasama untuk meletakkan diri mereka sebagai peneraju dalam membangunkan gerakan koperasi tempatan dengan memperbaiki dan memindahkan pengetahuan perniagaan, menyediakan khidmat nasihat, dan memberikan pendedahan kepada pelajar serta gerakan koperasi di Sabah.

Kedua, untuk terlibat dalam perkongsian pengetahuan melalui penglibatan aktif dalam gerakan koperasi, termasuk penganjuran seminar, bengkel, dan program latihan. Ketiga, mendokumentasikan perjalanan dan kejayaan inisiatif keusahawanan perniagaan dan sosial yang menyokong gerakan koperasi Sabah. Hal ini termasuk menjalankan penyelidikan, menerbitkan artikel, dan menghasilkan jurnal akademik. Keempat, menyediakan peluang kepada pelajar UMS daripada program perniagaan, ekonomi, dan perakaunan untuk menjalani latihan industri atau praktikal di IKMa. Sebagai balasan, IKMa akan memberikan peluang kepada pegawai atau kakitangannya untuk ditempatkan di UMS bagi penglibatan dalam projek atau penyelidikan tertentu. Persefahaman timbal balik ini bertujuan untuk meningkatkan pengalaman praktikal dan menyumbang pandangan bernes kepada kedua-dua institusi. UMS dan IKMa juga bersedia untuk bekerjasama dalam sebarang bidang lain yang akan dipersetujui bersama.



YBM menyaksikan upacara Pertukaran Surat Niat antara UMS dan IKMa Zon Sabah.



Sidang Media bersama Menteri KUSKOP, YB Datuk Ewon Benedick.

Teknologi Artificial Intelligence (AI): Transformasi Pengurusan Perniagaan Koperasi

Nur Hafieza Hashim

hafieza@kma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Kecerdasan Buatan (AI) telah menjadi pemangkin utama dalam transformasi digital perniagaan. Ia mampu mengubah cara kita bekerja, berinteraksi, dan membuat keputusan. Penggunaan AI dalam perniagaan semakin meluas dan memberi impak yang mendalam terhadap operasi dan pengurusan perniagaan.

Justeru, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur

telah menganjurkan seminar "Teknologi Artificial Intelligence (AI): Transformasi Pengurusan Perniagaan Koperasi" pada 10 Julai 2024 bertempat di H-Elite Design Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Seminar ini berjaya menarik minat koperasi dewasa dan koperasi sekolah dengan kehadiran peserta seramai 162 orang dalam kalangan koperator di pantai timur khususnya gerakan koperasi di negeri Kelantan.

Tujuan seminar ini diadakan adalah meningkatkan kefahaman dan kesedaran koperator mengenai teknologi AI yang semakin berkembang. Selain itu, seminar ini juga memberi pendedahan berkaitan etika dan cabaran teknologi AI serta sebagai platform perkongsian pengalaman pakar industri dalam memberi pendedahan strategi penyelesaian alatan AI yang dapat membantu



kecekapan pengurusan perniagaan koperasi.

Pengisian seminar dimulakan dengan sesi peranan IKMa dalam memperkasa digitalisasi koperasi yang disampaikan oleh Encik Faiz bin Ahmad Yatim, Pengarah Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital (UPMITD), IKMa. Dalam sesi ini, penceramah menekankan peranan IKMa terutamanya UPMITD dalam membantu koperasi ke arah digitalisasi melalui latihan, khidmat nasihat dan bimbingan. Program Cooperative Digital Empowerment (CODE) merupakan inisiatif IKMa untuk membantu melahirkan koperasi yang mapan serta berdaya saing di platform digital. Sesi kedua pula berkaitan dengan trend teknologi kecerdasan buatan (AI)

pada hari ini, etika dan cabaran dalam menggunakan AI yang disampaikan oleh Ts. Dr. Fakhitah binti Ridzuan, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Data & Komputeran, UMK. Dalam sesi ini, penceramah memberi pendedahan kepada peserta seminar sejauh mana penggunaan AI pada hari ini memberi kesan kepada perubahan dalam industri dan juga kehidupan sehari-hari. Penceramah juga menekankan berkaitan etika dan cabaran mengaplikasikan AI dalam pengurusan koperasi. Sesi terakhir adalah perkongsian pengalaman daripada Ts. Dr. Nooraziah binti Ahmad, Felo Bersekutu Institut Kecerdasan Buatan dan Data Raya (AIBIG). Penceramah berkongsi pengalaman beliau dalam menggunakan AI bagi memperoleh dan menganalisis

data dengan berkesan serta meningkatkan kecekapan dan ketepatan maklumat. Penceramah juga berkongsi apakah aplikasi-aplikasi AI yang boleh digunakan dan manfaat menggunakan AI dalam kehidupan sehari-hari ataupun perniagaan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta. Harapan IKMa Zon Timur agar koperasi dapat memanfaatkan teknologi ini untuk meningkatkan kecekapan dan memajukan perniagaan koperasi. Melalui pemahaman yang mendalam dan aplikasi yang tepat, koperasi dapat membina masa depan yang lebih cerah dan berdaya saing dalam dunia yang semakin berorientasikan teknologi.



Peserta sedang mendengar ceramah.



Koperasi Amal Medik Malaysia Berhad adalah salah satu koperasi yang membuka booth semasa seminar berlangsung.



Anugerah Koperasi Terbaik Sektor Perladangan - Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Bhd.

Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Perak

Nor Fatihah Yahya

norfatihah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah (Cawangan Ipoh)

Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Perak 2024 (HKN 2024), yang diadakan sempena Hari Terbuka Usahawan dan Koperasi Negeri Perak 2024 Daerah Hulu Perak, berlangsung dengan jayanya pada 26 dan 27 Julai 2024 (Jumaat dan Sabtu) bertempat di Dewan Serbaguna Gerik, Perak. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak, pada 26 Julai 2024. Majlis perasmian tersebut turut dihadiri oleh YB Dato' Salbiah binti Mohamed, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga,

Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak.

Pada majlis tersebut, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad telah menyampaikan 11 anugerah kepada gerakan koperasi, sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian cemerlang dan sumbangan mereka kepada pembangunan koperasi. Di antara anugerah yang telah disampaikan adalah Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Perak 2024 dan Anugerah Koperasi Terbaik Kategori Perkhidmatan Kewangan Negeri Perak 2024 yang telah dianugerahkan kepada Koperasi

Guru-Guru Sekolah Malaysia Berhad.

Anugerah Koperasi Terbaik Kategori Kariah Masjid Negeri Perak 2024 telah dianugerahkan kepada Koperasi Kariah Masjid Ar-Rashidiah Selama Perak Berhad dan Anugerah Koperasi Harapan Negeri Perak 2024 telah dianugerahkan kepada Koperasi Kariah Masjid Nurussalam Gerik Berhad. Manakala Tuan Haji Salleh Hudin Kamarudin dari Koperasi Perladangan Kawasan Bagan Datoh Perak Berhad telah dianugerahkan sebagai Tokoh Koperasi Negeri Perak 2024 dan Puan Shamsiah Mohamed@ Alias dari Koperasi MRSM Bagan

Datuk Berhad telah dianugerahkan sebagai Tokoh Guru Koperasi Sekolah 2024.

Di samping itu, pelbagai program dan aktiviti menarik telah memeriahkan program selama dua hari termasuk pameran, jualan oleh agensi dan usahawan, ceramah agama, persembahan nasyid, pertandingan mewarna, pertandingan pakaian tradisional kanak-kanak, Gerik Klasik Run@Coop, pertandingan motor ‘hensem’, serta Jualan Madani Koperasi dan Usahawan. Manakala pengunjung turut berpeluang untuk memenangi hadiah cabutan bertuah utama seperti seekor lembu, seekor kambing, seekor biri-biri dan dua buah motosikal selain daripada pelbagai hadiah yang menarik.

Pihak IKMa Cawangan Ipoh dan Unit Komunikasi Korporat IKMa turut terlibat dalam sesi pameran bersama agensi-agensi yang lain. Terdapat 32 ruang reruai agensi dan usahawan serta hampir 40 ruang reruai jualan koperasi bersama usahawan di kawasan tapak program. Selain itu, IKMa Cawangan Ipoh turut terlibat dalam sesi Pocket Talk & Kuiz yang disampaikan oleh Puan Nor Fatihah binti Yahya, Pegawai Latihan IKMa Cawangan Ipoh. Sesi ini telah mendapat sambutan yang meriah daripada pengunjung yang hadir dan 10 hadiah hamper telah disediakan untuk pemenang yang berjaya menjawab kuiz.

Sebagai penutup, program ini telah berjalan dengan jayanya melalui sambutan hangat daripada pengunjung. Kemeriahkan program ini dapat dilihat melalui penyertaan aktif masyarakat dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan yang telah dianjurkan.



Pemenang sesi kuiz daripada IKMa.



Ceramah Cara Menjemput Rezeki bersama Ustaz Haris Ismail (PU Riz).



Koperasi Pintar Kemajuan Melalui Kecerdasan Buatan (AI)

Siti Nuraini Abu Bakar
nuraini@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan



Barisan tetamu kehormat dan penceramah bagi program seminar.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah menganjurkan program seminar bertajuk 'Koperasi Pintar: Kemajuan Melalui Kecerdasan Buatan (AI)' pada 21 Ogos 2024. Program ini diadakan di Hotel Kings Green, Melaka dan dihadiri seramai 140 orang peserta dari negeri Johor dan Melaka merangkumi

Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), Pengurus dan kakitangan koperasi, anggota koperasi, serta pegawai agensi atau kerajaan yang memainkan peranan dalam kawal selia gerakan koperasi. Objektif program ini adalah memberi pendedahan kepada warga koperasi dan usahawan dalam aplikasi

teknologi *Artificial Intelligent (AI)* serta bersedia ke arah transformasi digital. Selain itu, program ini bertujuan untuk memberi kesedaran menguasai teknologi baharu secara efektif agar dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan perniagaan.

Program ini dirasmikan oleh YB Tuan Onn bin Abu Bakar,



YB Tuan Onn berkesempatan mengunjungi reruai jualan koperasi.



YB Tuan Onn merakamkan gambar kenangan bersama dengan kakitangan IKMa Zon Selatan.

Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa. Dalam ucapan perasmian, beliau menasihatkan koperasi perlulah memahami keperluan perniagaan mereka dan mencari teknologi AI yang sesuai bagi memenuhi keperluan tersebut. Selain itu, koperasi perlu memastikan bahawa mereka mempunyai kemahiran dan kepakaran yang mencukupi untuk mengendalikan teknologi ini. Beliau turut menekankan keperluan kepada koperasi agar sentiasa bersedia menghadapi cabaran yang mendatang dalam usaha menjadikan koperasi lebih progresif dan dinamik.

Turut hadir di majlis perasmian, YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron (Lembaga Pengarah IKMa), Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa), Encik Hafizal bin Abu Bakar (Pengarah IKMa Zon Selatan), Encik Mustafa Kamal bin Mohd Nor (Pengarah Suruhanjaya

Koperasi Malaysia) dan Tuan Haji Zaidan bin Haji Abd Hadi (Pengerusi Angkasa Negeri Melaka).

Terdapat lima penceramah yang terlibat dalam program ini iaitu Encik Faiz bin Ahmad Yatim, Pengarah Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital (UPMITD) IKMa dengan tajuk "Mengenali Dunia Kecerdasan Buatan (AI)", YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron, Lembaga Pengarah IKMa dengan tajuk "Cabaran Koperasi dalam Kecerdasan Buatan (AI)", Ts Dr Ismail bin Abu Shah, Penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan tajuk "Sistem RFID dron Pengesanan dan Perniagaan Lembu"; Maxis dengan tajuk "Geran dan Bantuan AI", Encik Azriel Azim dengan tajuk "Eksplorasi bersama Teknologi AI". Peserta mendapat peluang untuk meneroka potensi AI secara praktikal. Mereka diperkenalkan kepada pelbagai aplikasi terkini

seperti ChatGPT, Canva, ElevenLabs, dan RunwayML serta dapat merasai sendiri keupayaan teknologi ini dalam meningkatkan kreativiti dan produktiviti. Semua penceramah telah menyampaikan ilmu serta perkongsian yang berguna dengan jelas dan berkesan serta memberikan manfaat yang signifikan kepada koperasi dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kemajuan koperasi mereka.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjalan dengan lancar dan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta serta berjaya mencapai objektifnya. Selain itu, IKMa Zon Selatan berharap agar program ini memberikan manfaat kepada semua peserta yang hadir dan menjadi pendorong bagi kemajuan koperasi dalam memanfaatkan teknologi AI dengan lebih cemerlang agar dapat meningkatkan produktiviti dan kecekapan mereka.



Sesi ceramah pertama bersama Encik Faiz Ahmad Yatim, Pengarah Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital IKMa.



Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Basari Sarkun, Lembaga Pengarah IKMa.

Seminar Transformasi Perniagaan Koperasi Melalui Adaptasi Kecerdasan Buatan (AI)

Yusri Hj. Tarip

yusri@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Norawati Ngatmin

norawati@ikma.edu.my



Penceramah Encik Rimee Liew @ Qhalifah menyampaikan ceramah aplikasi *hands on*.



Penceramah Puan Ruby Adeni menyampaikan taklimat Geran Digital PMKS Madani MAXIS.



Penceramah Encik Ahmad Naqiuddin Muhammad menyampaikan sesi perkongsian pengalaman KOPROJAYA.

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menganjurkan program Seminar Transformasi Perniagaan Koperasi Melalui Adaptasi Kecerdasan Buatan (AI) bertempat di Hotel Raia, Kota Kinabalu pada 21 November 2014. Program ini

dilaksanakan dengan objektif untuk meningkatkan pemahaman tentang peranan dan kepentingan AI serta memperkenalkan penggunaan AI dalam operasi koperasi di samping melatih peserta menggunakan AI melalui sesi *hands on*.

Penganjuran ini juga diharapkan dapat menjadi penggalak kepada koperasi memanfaatkan AI untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos.

Program seminar kali ini telah diisi dengan empat sesi ceramah.

Sesi pertama telah dikendalikan dengan penuh semangat oleh Encik Faiz bin Ahmad Yatim, Pengarah UPMITD IKMa yang telah memperkatakan secara umum berkaitan penggunaan AI yang semakin meluas dan kesannya terhadap perniagaan serta aktiviti koperasi. Beliau juga sempat menarik perhatian peserta agar menukar kaedah operasi kepada kaedah digital. Dalam sesi yang kedua, peserta telah dibawa mengimbang pengalaman koperasi yang telah mengaplikasikan AI sepenuhnya dalam aktiviti peruncitan. Perkongsian pengalaman koperasi ini telah disampaikan oleh Encik Ahmad Naqiuddin bin Mohamad

iaitu Pengurus Besar KOPROJAYA. Seterusnya sesi ceramah dilanjutkan dengan perkongsian oleh Puan Ruby Adeni, Ketua Wilayah Maxis Sabah dan Sarawak mengenai Geran Digital PMKS yang disediakan oleh Maxis. Manakala sesi terakhir pula dikendalikan oleh Encik Rimee Liew @ Qhalifah yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar secara *hands on*. Dalam sesi ini, para peserta menunjukkan minat dan penuh keterujaan apabila penceramah menyampaikan ceramah sambil mempraktikkan penggunaan AI melalui telefon pintar di tangannya.

Program seminar ini telah dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah IKMa yang berasal dari

Lahad Datu, Sabah iaitu YBhg. Datuk Basari Sarkun. Turut hadir dalam majlis perasmian ini ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (PMI) IKMa dan ketua-ketua agensi di bawah KUSKOP.

Program pada kali ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 112 orang peserta dari pelbagai latar belakang jawatan daripada 66 buah koperasi. Semoga segala perkongsian ilmu yang diperoleh daripada seminar ini akan memberi manfaat kepada semua peserta yang hadir. Program seminar telah melabuhkan tirainya pada pukul 5.00 petang.



Gambar kenangan bersama peserta seminar.



YB Tuan Onn, Pengurus Lembaga Pengarah IKMa menyampaikan ucapan perasmian penutup.



YB Tuan Onn menyampaikan cenderahati dan sijil penghargaan Rakan PASKOP kepada Encik Awang Alihassan.



Cik Caroline Ang Gek Ling menyampaikan ceramah beserta kaedah praktikal menggunakan Teknologi AI kepada para peserta.

Teknologi Artificial Intelligence (AI): Memperkasa Perniagaan Koperasi

Emmy Polly
emmy@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak (Cawangan Miri)

Perkembangan teknologi *Artificial Intelligence* (Kecerdasan Buatan atau AI) telah semakin meluas diadaptasikan dalam perniagaan dan urusan seharian. Teknologi AI digunakan di dalam produk serta perkhidmatan antaranya untuk menjawab soalan pelanggan, membandingkan harga serta padanan pemasaran barang yang cepat dan tepat. Menyedari kepentingan koperasi agar selari dengan arus perubahan teknologi ini, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak Cawangan Miri telah menganjurkan Program Bicara Ilmu Teknologi Artificial Intelligence (AI) Memperkasa Perniagaan Koperasi yang diadakan pada 11 Julai 2024 di Eastwood Golf Valley & Country Club Miri, Sarawak. Objektif program ini bertujuan memberi kefahaman kepada peserta tentang teknologi AI serta peranan dan manfaatnya kepada koperasi di samping membuat

demonstrasi penggunaan AI dalam operasi dan perniagaan koperasi. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi pendedahan bagi meningkatkan literasi digital melalui program Digitalisasi Koperasi yang ditawarkan menerusi DigiKOP dan IKMa.

Seawal jam 8:00 pagi, para peserta telah hadir dan mendaftarkan diri bagi mendengar ceramah daripada penceramah jemputan iaitu Cik Caroline Ang Gek Ling. Beliau merupakan pakar dalam pertumbuhan AI, pempengaruh dan penceramah bertauliah yang berpengalaman mengendalikan bengkel dan program berkaitan AI bersama agensi-agensi kerajaan dan juga konsultan pemasaran serta sistem perniagaan. Seramai 228 peserta telah hadir ke program tersebut yang melibatkan sebanyak 35 buah koperasi di bahagian utara Sarawak termasuk negara Brunei

Darussalam dan beberapa agensi kerajaan di Miri.

Dalam ceramah selama 2 jam tersebut, Cik Caroline Ang telah memberi pendedahan kepada para peserta tentang manfaat dan kelebihan AI dalam membantu meningkatkan produktiviti koperasi. Peserta-peserta telah diterangkan tentang kaedah untuk mencipta logo, bahan promosi, iklan serta video pemasaran koperasi menggunakan aplikasi ChatGPT. Para peserta berpeluang mencuba sendiri melalui telefon masing-masing. Peserta turut ditunjukkan mengenai kaedah perekodan perakaunan dan menganalisis prestasi perniagaan dengan teknologi AI. Perkongsian daripada Cik Caroline Ang telah membuka mata kepada para peserta tentang kemudahan yang disediakan oleh aplikasi AI. Sesi ceramah seterusnya disampaikan oleh Encik Faiz bin Ahmad Yatim,



Penglibatan agensi-agensi kerajaan dan rakan strategik koperasi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia, ANGKASA Negeri Sarawak, Bank Rakyat, TEKUN, Coop Bank Pertama telah mendekatkan para peserta untuk mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan yang disediakan kepada para koperator. Program turut dimeriahkan dengan jualan dari koperasi-koperasi di bahagian Utara Sarawak.

Pengarah Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital, Beliau telah menerangkan kepentingan teknologi AI untuk dimanfaatkan oleh koperasi serta program-program yang dilaksanakan oleh IKMa untuk meningkatkan digitalisasi di peringkat koperasi. Beliau menyarankan agar koperasi-koperasi di bahagian utara Sarawak khususnya memanfaatkan teknologi ini.

YB Tuan Onn bin Abu Bakar, Pengurus Lembaga Pengarah IKMa telah menyempurnakan majlis perasmian penutupan program tersebut. Dalam ucapan beliau menyatakan teknologi AI telah membuka peluang yang luas untuk kemajuan namun koperasi perlu bijak dan berhati-hati dalam penggunaannya

dan mengambil langkah ke hadapan dalam era kemajuan ini dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab. Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran barisan Lembaga Pengarah IKMa, YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa dan pengurusan tertinggi IKMa, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus dan Puan Hamidah binti Mohd Jos.

Acara penganugerahan sijil penghargaan kepada Rakan Pasukan Sukarelawan Koperasi (PASKOP) telah disampaikan kepada Puan Sharifah Mariam (Bintulu) dan Encik Awg Alihassan (Lawas) atas peranan mereka dalam membantu menyebarkan program-program yang dijalankan oleh IKMa Zon Sarawak di kawasan masing-masing. Sumbangan Prihatin

Madani turut disampaikan kepada 10 orang asnaf yang dijemput. Reruai jualan daripada para koperator di bahagian utara Sarawak dan pameran agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta rakan strategik koperasi antaranya Suruhanjaya Koperasi Malaysia, TEKUN, Coop-Bank Pertama, Bank Rakyat dan ANGKASA Negeri Sarawak turut memeriahkan program ini.

Secara keseluruhannya, objektif kursus ini telah tercapai dengan pendedahan tentang manfaat kecerdasan buatan kepada pengurusan dan operasi koperasi serta penggunaan aplikasi yang menggunakan teknologi AI melalui demonstrasi yang ditunjukkan oleh penceramah kepada para peserta.



Para peserta sangat teruja mendengar ceramah dan mencuba sendiri penggunaan kecerdasan buatan (AI) yang diterangkan oleh Cik Caroline.



Barisan Lembaga Pengarah bersama-sama Pengurusan Tertinggi IKMa, para jemputan serta semua peserta merakamkan momen bersama di akhir program tersebut.

Bengkel Perbincangan Modul Latihan Syariah

Nazirah Baharudin

nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi

Pusat Perundingan Koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah mengadakan Bengkel Perbincangan Modul Latihan Syariah pada 26 Jun 2024 di Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya. Perbincangan ini diadakan antara Koperasi Pelaburan Kaktangan Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) dan Pusat Perundingan Koperasi (PRK) yang melibatkan tiga wakil daripada KOPUTRA.

Bengkel perbincangan ini adalah salah satu program yang telah dirancang bagi membincangkan modul latihan syariah bagi perancangan kursus jangka pendek pada tahun 2025. Modul latihan syariah ini dilaksanakan untuk memastikan peserta memahami dan dapat mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah dalam konteks

ekonomi dan kewangan. Objektif khusus ini membantu peserta agar memiliki pengetahuan berkaitan konsep dan falsafah perniagaan (terutama berkaitan koperasi) dalam kerangka syariah Islam, meningkatkan tahap motivasi kendiri dengan sikap bertanggungjawab dan pertanggungjawaban terhadap organisasi/koperasi di bawah konsep kerja sebagai amanah, jihad dan ibadah. Memahami secara praktis, struktur ekonomi dan sistem pasaran kewangan, mempunyai kompetensi menggunakan pengetahuan dan teknik sistem perbankan, kewangan Islam dan konvensional bagi memajukan koperasi dan menggunakan pengetahuan di atas untuk mendepani cabaran perniagaan dan pasaran, tadbir urus serta isu-isu semasa.

Hasil daripada perbincangan bengkel ini, pihak KOPUTRA akan menyediakan modul yang bersesuaian dengan kefahaman warga koperator dan bertepatan dengan peruntukan daripada IKMa. Manakala pihak PRK akan menyediakan tenaga pengajar bersama pakar industri.

Kesimpulannya, Pusat Perundingan Koperasi mengharapkan kursus yang dirancang ini dapat membantu peserta memahami dan mampu mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah secara efektif dalam konteks ekonomi dan kewangan. Melalui modul ini juga, peserta dapat mengintegrasikan nilai-nilai dan prinsip-prinsip syariah dalam setiap aspek operasi kewangan dan perniagaan mereka serta memastikan setiap tindakan yang diambil adalah sejajar dengan hukum Islam.



Perbincangan Modul Latihan Syariah KOPUTRA dan PRK IKMa.



Peserta bergambar di hadapan kedai dobi layan diri LK Laundry yang terletak di Kampung Melayu Subang.

Pusat Pengurusan Perniagaan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya telah menganjurkan Kursus Potensi Perniagaan Kedai Dobi Layan Diri. Kursus ini dilaksanakan untuk memberi kefahaman dan persediaan awal kepada koperasi yang sedang mencari perniagaan atau ingin menjalankan perniagaan kedai dobi layan diri. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta konsep perniagaan dobi layan diri, mempelajari kaedah susun atur, pemilihan pembekal, mesin,

peralatan dan kos operasi yang terlibat serta menerangkan pakej dobi dan untung rugi perniagaan dobi bukan konsep francais. Di akhir program ini, peserta akan dapat menerangkan konsep dan kaedah pelaksanaan serta menjelaskan pakej dan untung rugi perniagaan dobi layan diri.

Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, pengurusan kanan, jawatankuasa perniagaan dan anggota koperasi termasuk individu yang berminat telah

Potensi Perniagaan Dobi Layan Diri

Hajar Azwin Hj Mohamad Ashi

azwin@ikma.edu.my

Pusat Pengurusan Perniagaan

menghadiri program ini. Kursus ini diadakan selama dua hari iaitu pada 26 Jun 2024 berakhir pada 27 Jun 2024 bermula 9.00 pagi sehingga 4.30 petang. Sepanjang kursus ini berlangsung, Encik Zakri bin Ariffin selaku penceramah yang berpengalaman dalam perniagaan dobi layan diri telah menerangkan tentang konsep dan kaedah bagi menjalankan aktiviti perniagaan ini. Pada hari kedua pula, peserta dibawa melawat ke kedai dobi layan diri LK Laundry di Kampung Melayu Subang dengan penerangan yang lebih jelas oleh Encik Zakri dengan menunjukkan bagaimana mesin dobi berfungsi, susun atur dobi dan lain-lain perkara berkaitan.

Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada semua peserta yang hadir. Diharap program seumpama ini dapat menggalakkan para peserta untuk mengenal pasti konsep, kaedah operasi dan kos yang terlibat sebelum memulakan perniagaan yang ingin dijalankan oleh koperasi.



Peserta kursus Potensi Perniagaan Dobi Layan Diri bersama penceramah, Encik Zakri bin Ariffin.



Peserta kursus Potensi Perniagaan Produk bersama penceramah, Encik Muhammad Khoiri Sahat, Pengurus Operasi dan Pemasaran, Aqil Sdn. Bhd.

Potensi Perniagaan Produk OEM (Kambing, Lembu dan Ayam Perap)

Hajar Azwin Hj Mohamad Ashi
azwin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



Antara produk perapan OEM yang dikeluarkan oleh kilang.

OEM ialah ringkasan kepada *Original Equipment Manufacturer*. Secara ringkasnya, produk OEM ini merupakan produk yang dibuat oleh kilang untuk pelanggannya menjual pada jenama sendiri. Sehubungan dengan itu, Pusat Pengurusan Perniagaan, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Petaling Jaya telah menganjurkan Kursus Potensi Perniagaan Produk OEM yang memfokuskan pada perapan kambing, lembu dan ayam terbuka kepada koperasi mahupun usahawan yang berminat. Kursus ini dilaksanakan untuk memberi kefahaman dan persediaan awal kepada koperasi yang sedang mencari perniagaan atau ingin membangunkan

Kursus ini dilaksanakan untuk memberi kefahtaman dan persediaan awal kepada koperasi yang sedang mencari perniagaan atau ingin membangunkan produk jenama koperasi sendiri.

produk jenama koperasi sendiri. Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan potensi perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi,

mengenal pasti ciri-ciri keselamatan dan sanitasi serta jenis pembiayaan yang ditawarkan dalam perniagaan produk OEM serta mempelajari kaedah pemprosesan produk OEM mengikut spesifikasi yang betul.

Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, pengurusan kanan, jawatankuasa, anggota koperasi termasuk usahawan telah menghadiri program ini. Kursus ini diadakan selama dua hari iaitu pada 1 Julai 2024 berakhir 2 Julai 2024 bermula 9.00 pagi sehingga 4.30 petang. Kursus ini dimulakan dengan penerangan potensi perniagaan Produk OEM oleh Encik Muhammad Khoiri Sahat, Pengurus Pemasaran dan Operasi, Kilang Aqil Sdn. Bhd. yang juga merupakan pemilik kilang produk perapan OEM. Seterusnya, pada sebelah petang, peserta didedahkan dengan peluang pembiayaan kewangan koperasi yang disampaikan oleh Puan Roshidah

binti Abu Bakar, selaku Pengarah Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Ibu Pejabat. Pada hari kedua pula, peserta dibawa melawat ke kilang produk perapan OEM yang terletak di sekitar Melaka. Peserta diberi penerangan berkaitan dengan bagaimana untuk mewujudkan produk sendiri, pembungkusan yang sesuai, reka bentuk tersendiri dan kos minimum yang diperlukan untuk pembangunan produk melalui OEM.

Secara keseluruhannya, program ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada semua peserta yang hadir dan terdapat beberapa koperasi telah mula membuat perjanjian untuk menghasilkan produk perapan jenama koperasi sendiri. Diharap program seumpama ini dapat menggalakkan para peserta untuk mengenal pasti konsep, kaedah, operasi dan kos yang terlibat sebelum menceburi perniagaan yang ingin dijalankan oleh koperasi.



Peserta mendengar topik Pembiayaan Kewangan oleh Puan Roshidah Abu Bakar, Pengarah Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Ibu Pejabat.



Peserta mendengar taklimat di kilang produk OEM.



Barisan panel forum dari IKMa, SKM dan ANGKASA yang berkongsi informasi berkaitan program dan perancangan tahun 2024.

Tambah Nilai Tadbir Urus Koperasi

Norafidah Ismail @ Yaacob

norafidah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

Tanggal 1 Julai 2024 telah dipilih oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Utara bagi menganjurkan program serampang dua mata iaitu Bicara Ilmu Audit Dalaman: Tambah Nilai Tadbir Urus Koperasi dan Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) Madani 2024. Program ini telah diadakan di Raia Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah dengan penyertaan lebih 140 peserta meliputi negeri-negeri di utara seperti negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak.

Objektif penganjuran program bicara ilmu ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai kepentingan audit dalaman dalam melengkapkan

ekosistem pengurusan dan tadbir urus koperasi yang baik dan cekap. Di samping itu, ia dapat memberi pengetahuan mengenai keperluan audit dalaman sebagai mekanisme untuk menambah nilai tadbir urus koperasi serta untuk mendedahkan tentang keperluan pandangan audit dalaman dalam proses pengauditan berbanding dengan teguran sifar. Manakala bagi program MasKop Madani 2024 pula, ia lebih kepada untuk memberi informasi kepada koperasi dalam merebut peluang tahun 2024 daripada segi latihan, perniagaan dan ekonomi serta maklumat mengenai bantuan dan sokongan oleh agensi dan organisasi di bawah Kementerian

Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam menjayakan dasar negara termasuklah Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 - 2025 (TransKoM).

Sebanyak tiga sesi berkaitan perkongsian ilmu dan informasi terkini yang telah diadun kemas dalam program ini dalam usaha untuk memberi pendedahan kepada warga koperator khususnya koperasi baharu dan juga yang telah lama ditubuhkan. Sebagai pembuka tirai, program ini telah dimulakan dengan sesi pertama menerusi taklimat yang disampaikan oleh Puan Nasuha binti Nezuakifli, Pegawai Latihan IKMa



Para peserta bergambar kenangan bersama YBhg. Dato' Zazali dan panel jemputan.



Puan Nor Hidayah, selaku penceramah jemputan berkongsi informasi berkenaan pengauditan.



Sesi taklimat berkaitan jati diri koperasi oleh Puan Nasuha.

Zon Utara bertajuk "Jati Diri Koperasi". Menerusi taklimat tersebut, beliau telah menyentuh mengenai beberapa perkara tentang kepentingan berkoperasi, elemen-elemen jati diri termasuklah nilai-nilai asas dan prinsip koperasi, serta peranan anggota dalam berkoperasi. Manakala sesi kedua pula diteruskan dengan sesi forum yang menampilkan tiga panel jemputan khas iaitu Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan (TKPPMI) dari Institut Koperasi Malaysia, Puan Hajah Norzila binti Nayan, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kedah dan Tuan Haji Wan Ibrahim bin Wan Jusoh, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Angkasa

(JPAN) Negeri Kedah. Sesi ini juga telah dipengerusikan oleh Pengarah IKMa Zon Utara sendiri iaitu Puan Hajah Yusnita binti Othman.

Sesi forum ini lebih menekankan kepada fungsi, peranan dan perancangan setiap agensi yang berkaitan, dalam usaha memacu gerakan koperasi menerusi pelan dan program yang bersesuaian dan relevan dengan gerakan koperasi hari ini. Sesi ketiga pula diteruskan dengan menampilkan seorang penceramah jemputan yang diundangkan khas sesuai dengan tajuk yang dipilih iaitu Puan Nor Hidayah binti Omar, Timbalan Penggerusi CoopBank Pertama. Menerusi perkongsian beliau, tumpuan diberikan kepada

perbezaan audit dalam dan audit luaran serta beliau turut berkongsi 10 kepentingan audit dalam kepada koperasi. Sesi ini kemudiannya dibuka untuk soal jawab bagi memberi ruang kepada para peserta bertanyakan soalan mahupun pendapat kepada penceramah jemputan tersebut.

Kemuncak program ini diteruskan lagi dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Hj. Zazali bin Haron, Ahli Lembaga Pengarah IKMa. Usai ucapan dan perasmian, beliau turut melawat gerai-gerai jualan dan pameran dari koperasi dan agensi yang terlibat. Majlis telah mencapai objektifnya dan tamat sepenuhnya pada jam 12.30 tengah hari.



Sesi soal jawab bersama peserta koperasi.



Walkabout di gerai pameran milik koperasi dan agensi.



YB Rolland Duat Anak Jubin, ADUN N48 Meluan menyampaikan ucapan perasmian.



YB Rolland Duat Anak Jubin, ADUN N48 Meluan melawat ke reruai IKMa.

Membangun Kesejahteraan Komuniti Melalui Koperasi

Frank Me-ol
frank@ikma.edu.my
IKMa Zon Sarawak

Tanggal 24 Ogos 2024, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sarawak telah menganjurkan Bicara Ilmu bertajuk "Membangun Kesejahteraan Komuniti Melalui Koperasi" yang disertai hampir 150 orang peserta terdiri daripada warga koperator, usahawan dan penduduk sekitar daerah Julau bertempat di Rumah Margretta, Kerangan Buloh Julau, Sarawak. Program telah dirasmikan oleh YB Tuan Rolland Duat Anak Jubin, ADUN N48 Meluan. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Yang Berusaha Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa, Yang Berusaha Encik Norazlan bin Anuar, Timbalan Pengarah, Suruhanjaya

Koperasi Malaysia, Negeri Sarawak, Yang Berusaha Encik Muhammad Muqaddim bin Samsuddin, Pegawai Tadbir mewakili pegawai Daerah Julau.

Objektif program bicara ilmu adalah untuk menjelaskan keistimewaan dan peranan koperasi dalam meningkatkan sosioekonomi masyarakat setempat selain memberi pendedahan berkenan hak dan tanggungjawab sebagai Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota koperasi. Selain itu, program juga diharap dapat memberi pendedahan kepada warga koperator serta usahawan khasnya di daerah Julau berkenaan peranan IKMa Zon Sarawak dalam pembangunan modal insan koperasi selain peranan agensi lain

yang turut serta dalam pameran termasuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), TEKUN, Bank Rakyat dan ANGKASA.

Pengisian program termasuk ceramah bertajuk "Apakah Keistimewaan Berkoperasi dan Hak serta Tanggungjawab Anggota?" yang disampaikan oleh Encik Frank Me-ol dan Encik Mohamad Suandi bin Mortadza, Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Sarawak. Pengisian ceramah turut menekankan pentingnya bekerjasama di dalam koperasi agar tujuan dan objektif penubuhan koperasi dapat dicapai. Beliau turut menjelaskan bagaimana untuk mewujudkan koperasi yang hebat dan menarik agar kesetiaan dan sokongan

anggota kepada koperasi terus utuh. Ini termasuk pulangan kewangan dan bukan kewangan yang kompetitif dan dalam masa yang sama mengambil kira pandangan anggota koperasi tentang perniagaan yang sesuai untuk diusahakan selaras memenuhi keperluan anggota. Ceramah turut menyentuh kisah kejayaan koperasi-koperasi lain di dalam dan luar negara.

Bagi menyemarakkan lagi suasana program, turut diadakan permainan dan kuiz untuk para peserta. Sebanyak tiga permainan keusahawanan telah diadakan iaitu membentuk ayat, permainan nombor serta kuiz berupa soalan selepas sesi ceramah. Permainan berkumpulan dan kuiz seumpamanya dapat meningkatkan pemahaman selain keterlibatan peserta dalam program serta membantu mengukur sejauh mana kefahaman peserta ke atas penyampaian dalam sesi ceramah.

YB Adun turut menekankan tentang pentingnya koperasi dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat dengan menawarkan pelbagai peluang

ekonomi dan sosial. Dengan terbinanya Lebuh Raya Pan Borneo, Pekan Julau dan sekitarnya kini mudah diakses dengan jalan raya ke bandar-bandar utama seperti Sibu, Sarikei, dan Kanowit. Atas sebab itu Daerah Julau dilihat berpotensi menarik lebih banyak pelaburan dan perniagaan yang sekali gus memanfaatkan penduduk setempat dan mengurangkan migrasi golongan belia ke bandar lain untuk mencari peluang pekerjaan.

Beliau turut berharap agar koperasi di Julau dapat bersatu padu dalam meneroka pelbagai peluang yang ada, mencipta peluang sekali gus menyumbang kepada peningkatan pendapatan penduduk. Potensi produk tempatan dari Julau perlu diketengahkan ke pasaran luar. Antaranya tempat pelancongan seperti Kubu Brooke, Lanjak Entimau Wildlife Sanctuary, dan hasil pertanian tempatan seperti buah dabai dan buah durian harus dipromosikan. Peranan koperasi dituntut untuk mempromosi dan memasarkan produk tersebut di peringkat yang

lebih luas, dengan sokongan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. YB Adun turut menyentuh berkenaan Pelan Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak agar manfaat ekonomi dan sosial terus dipertingkatkan dan dinikmati oleh masyarakat secara adil. Beliau juga berharap agar program ini dapat menjadi platform bagi pihak IKMa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk memberikan latihan dan bimbingan kepada koperasi di Julau dalam mencapai matlamat PCDS 2030.

Secara keseluruhannya, penganjuran program telah berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya. Bagi pihak IKMa Zon Sarawak program diharap mampu meningkatkan kefahaman para koperator, usahawan, dan penduduk di daerah Julau berkenaan manfaat berkoperasi dan menyuntik semangat mereka untuk membangunkan koperasi di kawasan masing-masing terutamanya di daerah Julau agar terus maju jaya.



Ceramah Istimewanya Berkoperasi oleh Encik Frank Me-ol, Pegawai Latihan IKMa Zon Sarawak.



YB mengambil gambar kenangan bersama dif jemputan dan peserta yang hadir.

Mendepani Era Digitalisasi *Jangan Lelah, Jangan Rebah*

Nor Fatihah Yahya

norfatihah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah (Cawangan Ipoh)



Sesi perasmian oleh Encik Mohd Zaib, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa.

Penceramah kedua iaitu Tuan Wong Kah Weng dari Atomy Malaysia.

Program Bicara Ilmu "Mendepani Era Digitalisasi: Jangan Lelah, Jangan Rebah" telah diadakan pada 08 Oktober 2024 secara dalam talian (Zoom Meeting). Program ini merupakan program anjuran Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah (Cawangan Ipoh). Program ini telah mendapat sambutan hebat daripada koperasi, koperator dan usahawan di seluruh Malaysia termasuk dari Sabah dan Sarawak. Jumlah peserta yang menghadiri program ini adalah melebihi jumlah peserta yang telah disasarkan iaitu seramai 181 orang peserta.

Penganjuran program ini merupakan medium ilmu bagi mendedahkan kepada peserta berkaitan ilmu perniagaan, potensi,

peluang serta insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan dan agensi yang terlibat secara langsung atau tidak dalam sektor koperasi. Justeru, IKMA Cawangan Ipoh mengambil inisiatif untuk menganjurkan program ini untuk memberi pendedahan kepada gerakan koperasi mengenai ilmu teknologi pendigitalan yang terkini serta kelebihan dan kepentingannya.

Selain itu, tujuan program ini diadakan untuk membuka peluang kepada koperasi dalam meneroka era ekonomi digital dan keberhasilannya kepada perolehan koperasi. Pengisian setiap sesi difokuskan kepada peranan agensi daripada aspek latihan dan bimbingan, geran serta bantuan. Empat orang wakil dari agensi, koperasi dan usahawan telah

dijemput bagi berkongsi ilmu dan pengalaman serta memberi inspirasi dan motivasi kepada semua ke arah pendigitalan perniagaan koperasi dan usahawan yang semakin rancak diperkatakan umum.

Program ini telah dimulai dengan ucapan perasmian oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan). Antara amanat yang disampaikan adalah, koperasi perlu sentiasa meningkatkan dan mementingkan kepentingan latihan ke arah untuk menjadi koperasi yang berdaya tahan serta mempunyai jati diri yang kuat. Selain itu, beliau turut memaklumkan bahawa lebih 570 program yang telah dirancang pada tahun 2024 untuk meningkatkan



Sesi perkongsian oleh Tuan Haji Mior Shahrin dari Koperasi Peserta-peserta Felcra Seberang Perak Berhad.



Sesi perkongsian oleh Puan Ratna Khasuziana dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak.

keupayaan dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi. Beliau turut menyeru agar semua koperator untuk mengambil peluang dengan mengikuti program yang dianjurkan oleh IKMa mahupun agensi koperasi bagi meningkatkan kapasiti dan kecemerlangan modal insan di koperasi ke arah pendigitalan koperasi khususnya.

Seterusnya, program ini diteruskan dengan sesi yang pertama dengan perkongsian daripada Encik Wong Kah Weng dari Atomy Malaysia mengenai sistem digital yang digunakan dalam perniagaan Atomy Malaysia. Perkongsian yang kedua daripada Tuan Haji Mior Shahrin

bin Haji Mior Mohamad Yusop dari Koperasi Peserta-peserta Felcra Seberang Perak Berhad mengenai kepentingan dan kelebihan yang diperoleh apabila mengaplikasikan pendigitalan dalam pengurusan koperasi serta contoh-contoh sistem digital yang diaplikasikan di koperasi.

Tambahan pula, Puan Ratna Khasuziana binti Mohd Khalid dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak turut berkongsi mengenai geran dan bantuan yang disediakan kepada gerakan koperasi untuk membantu menembusi pasaran digital yang semakin pesat meningkat. Program ini diakhiri dengan sesi keempat yang telah disampaikan oleh Puan

Rozaimah binti Ismail dari Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad mengenai bantuan latihan dan program bimbingan yang disediakan ANGKASA bagi membantu gerakan koperasi ke arah mentransformasikan pengurusan secara manual kepada pengurusan secara digital.

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada gerakan koperasi. Program ini dapat membantu koperator untuk meninjau peluang dan perkembangan terkini dalam era ekonomi digital dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi anggota dan koperasi.



Sesi perkongsian oleh Puan Rozaimah dari Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad.



Antara barisan peserta yang hadir program Bicara Ilmu Mendepani Era Digitalisasi.



Barisan peserta yang hadir merakamkan gambar kenangan.

E-Invois: Digitalisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi

Noor Azrin Kasim
noorazrin@ikma.edu.my
Pusat Kewangan dan Akaun

Pusat Kewangan dan Akaun telah melaksanakan program bicara ilmu bertajuk "E-Invois: Digitaslisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi" buat kali kedua pada 14 November 2024. Bengkel ini berlangsung di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam dengan kehadiran 95 orang peserta yang terdiri dari koperasi di sekitar Lembah Klang.

Objektif program bicara ilmu "E-Invois: Digitaslisasi Pengurusan Pentadbiran Cukai Koperasi" adalah memberi pendedahan yang menyeluruh mengenai kepentingan e-Invois dalam era pendigitalan perniagaan serta menyediakan panduan yang praktikal bagi memudahkan koperasi menghadapi cabaran-cabaran yang timbul dalam pelaksanaannya. Selain

itu, meningkatkan pengetahuan berkaitan sistem yang diaplikasi dalam e-Invois serta memperkasa koperasi agar cakna terhadap e-Invois dalam pentadbiran cukai pada masa hadapan. Bagi memacu pendapatan negara dengan lebih positif, e-Invois merupakan satu alternatif yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)



Encik Muhammed Hairul Azmi Talib, Eksekutif Hasil Kanan II, Seksyen Khidmat Pelanggan, LHDNM Selangor selaku penceramah.



Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMA semasa merasmikan program bicara ilmu.

untuk memastikan pentadbiran cukai terus telus dan dapat mengelakkan individu yang terlibat dalam pelarian cukai. Pelaksanaan e-Invois bukan sahaja memberikan manfaat kepada pentadbir cukai malah pembayar cukai turut menerima manfaat.

Panduan yang dikongsikan oleh penceramah dalam bicara ilmu ini telah membimbing peserta berkaitan kepentingan, cabaran dan sistem e-Invois yang diaplikasikan kepada perniagaan khususnya koperasi. Penceramah jemputan ialah Encik Muhammed Hairul Azmi bin Talib, Eksekutif Hasil Kanan II, Seksyen Khidmat Pelanggan, LHDNM Selangor dan turut bersama penceramah iaitu Encik Hamzah bin Mohd Ali, Penolong Pengarah, Bahagian e-Invois, LHDNM semasa sesi soal jawab bersama LHDNM. Panduan dan penjelasan yang diberikan oleh para penceramah telah membantu peserta memahami kepentingan e-Invois, cabaran yang mungkin dihadapi, serta bagaimana sistem ini boleh diaplikasikan dalam operasi perniagaan, terutamanya dalam gerakan koperasi.

Penggunaan e-Invois akan diwajibkan kepada semua pembayar cukai menjelang Julai 2025, justeru pengetahuan asas tentang sistem ini amat penting bagi pihak koperasi. Melalui pemahaman yang jelas mengenai proses penggunaan e-Invois, pengurusan koperasi berupaya mengurangkan tekanan, meminimumkan kesilapan dalam kemasukan data, mempermudah pengemukaan borang nyata serta meningkatkan kecekapan operasi perniagaan secara keseluruhan.

Bicara ilmu ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah, Pembangunan Modal Insan. Diiringi oleh Puan Sri Datin Seri Noraesyah binti Saari, Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Perniagaan, Encik Mohd Rasydi bin Abdul Rashid,



Dari kiri: Puan Sri Datin Seri Noraesyah, Encik Mohd Zaib Mat Yunus, Encik Zulkiflee dan Encik Muhammed Hairul Azmi.

Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi dan Encik Zulkiflee bin Aspan, Pengarah Pusat Kewangan dan Akaun, Institut Koperasi Malaysia. Secara keseluruhannya, program ini memenuhi keperluan gerakan koperasi dengan menawarkan pengetahuan terkini dan kemahiran yang relevan untuk memastikan koperasi lebih bersedia dalam mengadaptasi teknologi serta mencapai matlamat kelestarian perniagaan.



Encik Muhammed Hairul Azmi dan Encik Hamzah Mohd Ali semasa sesi soal jawab bersama LHDNM.



Sesi ceramah oleh penceramah jemputan.



Penyampaian cenderamata kepada penceramah jemputan.

Memperkasa Komuniti Melalui Koperasi

Mohamad Suandi Mortadza
msuandi@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak

Program bicara ilmu bertajuk "Memperkasa Komuniti Melalui Koperasi" telah diadakan pada 16 November 2024 di Oya Mukah. Tujuan bicara ilmu kali ini adalah untuk menjelaskan bagaimana berkoperasi mampu meningkatkan sosio ekonomi masyarakat terutamanya di luar bandar. Selain itu, program ini memberi pendedahan mengenai hak dan tanggungjawab sebagai Anggota Lembaga Koperasi

dan anggota koperasi. Pada masa yang sama juga, program ini diharap memberi pendedahan kepada warga koperator khasnya di bahagian Mukah dan kawasan sekitar berkenaan peranan Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak dalam pembangunan modal insan koperasi. Perasmian program telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Fatimah binti Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita,

Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri 56 Dalat. Turut hadir bersama ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa dan Puan Siti Maimunah binti Jerni, Pengarah IKMa Zon Sarawak. Selain itu, Tuan Residen Mukah Datu Kueh Lei Po juga turut sama hadir memeriahkan program ini.



YB Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah ketika menyampaikan ucapan perasmian.



Barisan tetamu kehormat bergambar kenangan bersama peserta yang hadir.



Sebahagian peserta yang hadir.



YB Dato Sri Hajah Fatimah dan Encik Mohd Zaib Yunus ketika melawat pameran jualan koperasi dan usahawan.

Ketika ucapan perasmian program ini, YB Dato Sri Hajah Fatimah binti Abdullah berharap agar pihak IKMa yang bertanggungjawab memberi ilmu dan latihan koperasi di Malaysia boleh menjadikan gerakan koperasi sebagai alat untuk mencapai sasaran Sarawak Post Covid-19 Development Strategy (PCDS 2030) Sarawak bagi membangunkan ekonomi penduduk sekitar agar menjadi lebih mantap dan utuh. Tambah beliau lagi, kawasan sekitar Dalat, Oya dan Mukah mempunyai peluang dan potensi yang sangat besar yang datang dari sumber seperti tanah yang subur, kepelbagaiantempat dan aktiviti pelancongan serta pantai yang indah. Namun, kerana kurangnya pendedahan, peluang dan kemahiran yang berkaitan menyebabkan ramai penduduk khasnya golongan muda tidak melihat potensi tersebut sebagai jaminan rezeki dan pendapatan mereka. Beliau

juga menggesa peserta yang hadir mengambil peluang dan ruang yang ada untuk terus bergiat aktif dalam aktiviti ekonomi dan salah satunya pendekatan perniagaan yang boleh dimulakan adalah melalui koperasi. Beliau menekankan mereka untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat daripada agensi-agensi kerajaan yang hadir pada hari ini untuk terus melangkah ke hadapan dalam memajukan diri dan komuniti setempat.

Pada masa yang sama ketika menyampaikan ucapan alu-aluan, Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus turut berharap agar peserta yang hadir dapat memanfaatkan program ini dan sentiasa menyokong program latihan yang ditawarkan oleh IKMa Zon Sarawak. Beliau juga menggesa agar anggota koperasi dan ALK yang hadir sentiasa berusaha untuk memajukan koperasi masing-masing. Beliau turut mengundang gerakan koperasi yang hadir agar sentiasa

berhubung dengan pihak IKMa Zon Sarawak untuk memantapkan pengurusan dan perniagaan koperasi masing-masing.

Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada gerakan koperasi setempat dan masyarakat umum. Lebih 200 orang peserta telah menghadiri program ini. Pengisian utama program adalah perkongsian ceramah bertajuk "Keistimewaan Berkoperasi" oleh Encik Frank Meol, Pensyarah Kanan IKMa Zon Sarawak. Selain itu, dikongsikan juga ceramah bertajuk "Hak dan Tanggungjawab Anggota Koperasi" yang disampaikan oleh Encik Mohamad Suandi bin Mortadza, Pensyarah Kanan IKMa Zon Sarawak. Bagi program bicara ilmu ini, agensi di bawah KUSKOP dan agensi kerajaan Sarawak turut terlibat dalam rereuai pameran. Para usahawan dan koperasi juga tidak ketinggalan turut sama memperkenalkan produk mereka masing-masing.

Bengkel Susun Atur & Peragaan

Maryam Hamidah Mohd Ghazi

maryam.hamidah@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia Zon Timur



Coach Syaiful menerangkan kaedah-kaedah menyusun atur barang kedai kepada peserta yang hadir.



Tenaga Pengajar Bengkel, Coach Mohd Syaiful Izwan memberi penerangan berkaitan teori pengiraan dan penilaian stok.



Peserta KOPOLISAS bergambar kenangan bersama Coach Syaiful untuk Bengkel Susun Atur & Peragaan Serta Amali Pengiraan & Penilaian Stok Berpandukan Sistem Pos Jenama Big Pos.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Timur dengan kerjasama Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa telah mengadakan Bengkel Susun Atur & Peragaan serta Amali Pengiraan & Penilaian Stok Berpandukan Sistem Pos Jenama Big Pos di Kedai Coop Mart KOPOLISAS pada 17 dan 18 September 2024. Bengkel ini adalah salah satu program yang telah dirancang bagi Koperasi Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan Berhad (KOPOLISAS), iaitu salah satu koperasi yang menyertai Program "Million Ringgit Coop League" (MiRiCLE) oleh Institut Koperasi Malaysia Zon Timur. Bengkel ini telah disertai oleh anggota lembaga koperasi daripada kalangan pensyarah dan juga pelajar serta kakitangan kedai koperasi KOPOLISAS seramai 10 orang. Tenaga pengajar untuk bengkel ini

merupakan "Subject Matter Expert" (SME) Coach Mohd Syaiful Izwan bin Mohamad Suwarno. Pegawai lain yang turut terlibat di dalam bengkel ini ialah Pegawai Latihan Kanan IKMa Zon Timur iaitu Puan Maryam Hamidah binti Mohd Ghazi selaku penyelaras MiRiCLE bagi koperasi KOPOLISAS dan Pegawai Latihan Kanan, Sektor Keberhasilan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan (BKP) IKMa Petaling Jaya, Puan Noor Shafeeza binti Zainuddin.

Objektif bengkel ini adalah menambah baik susun atur dan peragaan barang di kedai koperasi serta memberi pendedahan tentang pemilihan barang, kaedah peragaan dan susun atur kedai. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang teknik pengiraan dan penilaian stok berpandukan Sistem POS jenama BIG POS yang digunakan oleh koperasi.

Peserta-peserta bengkel juga diberi peluang melakukan aktiviti mengubah susun atur dan peragaan barang mengikut kawasan-kawasan dan kategori-kategori baru berdasarkan standard sebenar seperti yang telah dipelajari.

Menerusi bengkel ini diharapkan agar peserta dari koperasi KOPOLISAS ini dapat menggunakan ilmu yang telah dipelajari untuk diaplikasikan dalam teknik susun atur dan peragaan barang. Selain itu, peserta juga akan lebih memahami bagaimana proses pengiraan stok, mengira kos dan nilai stok serta mengetahui langkah-langkah dalam menilai dan mengoptimumkan stok di kedai koperasi. IKMa Zon Timur sangat berbesar hati dapat memenuhi tanggungjawab untuk membantu aktiviti perniagaan kedai koperasi bagi meningkatkan pendapatan koperasi.



Sesi lawatan ke tapak semaian durian di Bukit Durian Keningau.



Peserta bergambar di hadapan papan tanda Bukit Durian Keningau.

Bengkel Lawatan dan Padanan Perniagaan Sektor Pelancongan Agro

Ridzuan Saudi

ridzuan@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah bersama empat koperasi MiRiCLe iaitu Koperasi Minitinduk Kiau Kota Belud Berhad, Koperasi Paka Kota Belud Berhad, Koperasi Pisaan Tambunan Berhad dan Koperasi Pelancongan Komuniti Telintir Sook Berhad telah dilibatkan dalam Bengkel Lawatan dan Padanan Perniagaan Sektor Pelancongan Agro pada 21 dan 22 Oktober 2024. Bengkel ini bertujuan memperkasakan para peserta dalam sektor agropelancongan melalui perkongsian ilmu, pengalaman,

dan jaringan dengan syarikat serta koperasi lain yang telah berjaya dalam bidang ini. Bengkel yang diadakan di kawasan Keningau dan Tenom ini melibatkan beberapa sesi lawatan ke destinasi utama agropelancongan di kawasan tersebut.

Lawatan pertama adalah ke Padas Farmstay, sebuah destinasi pelancongan agro yang menggabungkan keindahan alam dengan aktiviti pertanian moden. Pemilik Padas Farmstay berkongsi tentang model perniagaan mereka, termasuk teknik penanaman hasil

seperti limau dan kelapa, cara penjagaan ladang, serta pendekatan strategik dalam mempromosikan produk agro kepada pelancong domestik dan antarabangsa.

Peserta dibawa melawat ladang limau dan kelapa sambil diperkenalkan kepada teknik pertanian mampan yang diamalkan. Selain itu, pemilik berkongsi bagaimana mereka mengintegrasikan pengalaman berasaskan pertanian dengan aktiviti pelancongan seperti lawatan ladang, kelas memasak menggunakan bahan segar, dan peluang bergambar di

kawasan ladang yang indah. Lawatan ini membuka mata peserta tentang bagaimana pertanian boleh dimanfaatkan untuk menarik pelancong dan menjana pendapatan tambahan.

Destinasi seterusnya adalah Yit Foh Coffee, syarikat pengeluar kopi tempatan yang telah beroperasi sejak 1960. Yit Foh Coffee merupakan jenama yang sinonim dengan kopi tradisional Sabah dan telah berjaya memasarkan produk mereka ke peringkat antarabangsa. Peserta diberi taklimat tentang proses penghasilan kopi bermula daripada pemilihan biji kopi, teknik pemprosesan, sehingga pembungkusan. Lawatan ke kilang memproses kopi membolehkan peserta memahami secara dekat setiap langkah dalam rantaian nilai perniagaan kopi. Sesi ini turut diakhiri dengan sesi merasa kopi keluaran Yit Foh, memberi peluang kepada peserta untuk menilai kualiti dan keunikan rasa kopi tempatan ini.

Lawatan seterusnya adalah ke Koperasi Pelancongan Bunsit Keningau Berhad, yang menawarkan



Pemilik Padas Farmstay Tenom memberi penerangan kepada peserta.

pengalaman pelancongan berasaskan alam semula jadi. Koperasi ini memfokuskan perkhidmatan penginapan seperti khemah *glamping* dan chalet yang sesuai untuk pelancong yang ingin merasai suasana kampung. Peserta didedahkan kepada kaedah pengurusan penginapan berkonsepkan *glamping*, termasuk strategi penyelenggaraan, promosi kepada pelancong, serta aktiviti tambahan yang disediakan seperti pendakian bukit dan program penghayatan budaya tempatan.

Para peserta turut berpeluang bermalam di kemudahan yang disediakan oleh koperasi, memberi mereka pengalaman langsung mengenai produk pelancongan yang ditawarkan.

Sesi lawatan ke Pusat Kraftangan Sabah di Keningau pula memperkenalkan peserta kepada kekayaan seni kraf tangan tradisional Sabah. Peserta dapat melihat pelbagai produk kraf tangan yang dihasilkan oleh komuniti tempatan, termasuk beg, permainan tradisional, dan



Lawatan ke tapak penanaman limau di Padas Farmstay Tenom.



Sesi penerangan oleh Pengurus Koperasi Pelancongan Bunsit Keningau Berhad.



Peserta bergambar di hadapan Kilang Yit Foh Coffee Tenom.



Peserta diberi penerangan oleh Pengurus Yit Foh Coffee Tenom.

pakaian etnik. Selain mempelajari teknik pembuatan kraf, peserta juga diberi pemahaman tentang potensi komersial produk ini sebagai daya tarikan pelancong. Sesi ini menjadi platform penting untuk menghubungkan pengusaha kraf tempatan dengan koperasi yang berminat untuk memasarkan produk mereka dalam industri pelancongan.

Sebagai penutup bengkel, peserta dibawa ke Bukit Durian Keningau, sebuah ladang durian yang diusahakan secara komersial. Pemilik ladang

berkongsi pengalaman mereka dalam menanam, mengurus, dan memasarkan durian, termasuk peluang menjadikan ladang durian sebagai tarikan pelancongan agro. Peserta diberi penerangan tentang proses penjagaan pokok durian, daripada peringkat penanaman hingga penuaian. Mereka juga didedahkan kepada potensi aktiviti tambahan seperti lawatan ladang semasa musim durian dan program mencicip durian yang mampu menarik minat pelancong. Lawatan ini memberi inspirasi kepada peserta

untuk menggabungkan aktiviti pertanian dengan pengalaman pelancongan secara kreatif.

Bengkel ini berjaya memenuhi objektifnya dengan memberi pendedahan kepada peserta tentang pelbagai model agropelancongan yang berpotensi untuk diaplikasikan. Pengalaman yang diperoleh bukan sahaja meningkatkan pengetahuan peserta, tetapi juga membantu memperkuuh jaringan kerjasama antara koperasi dan syarikat agropelancongan di sekitar Keningau dan Tenom.



Peserta bergambar di hadapan Pusat Kraftangan Sabah Keningau.



Peserta mempelajari teknik pembuatan krafangan di Pusat Kraftangan Sabah Keningau.



YBM bergambar kenangan bersama kakitangan IKMa Zon Sabah.



Sesi ceramah oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa.

Bicara Siswa: Memperkuuh Keusahawanan Koperasi dalam Kalangan Mahasiswa

Shamsiah Syamsudin

shams@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Sabah telah menganjurkan program "Bicara Siswa: Memperkuuh Keusahawanan Koperasi dalam Kalangan Mahasiswa" di Sabah International Convention Centre (SICC). Pengajian ini adalah bersempena dengan Karnival PROTÉGÉ KUSKOP Zon Borneo (Sabah) Tahun 2024 yang berlangsung pada 26 dan 27 Oktober 2024 memperlihatkan kerjasama strategik tiga pihak utama iaitu PROTÉGÉ KUSKOP, IKMa Zon Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pihak PROTÉGÉ KUSKOP menyediakan tempat program, UMS menyediakan sebahagian besar penyertaan



Ceramah oleh Tuan Haji Effendee O.P Andu, Pengarah SKM Negeri Sabah.



Forum perkongsian pengalaman koperasi dan usahawan berjaya.



Ceramah oleh Dr. Nur Thara Atika Zainal, Timbalan Pengarah, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar, UMS.



Peserta menjawab soalan kuiz semasa program Bicara Siswa.



Ceramah oleh Puan Elya Marini Darmin, Ketua Secretariat PROTÉGÉ.

dan IKMa menganjurkan program bicara siswa pada 27 Oktober 2024 dengan mengundang penceramah yang terdiri daripada pemain industri dan ahli akademik.

Objektif penganjuran bicara siswa ini adalah membolehkan peserta memahami konsep keusahawanan dan keusahawanan melalui koperasi, membolehkan peserta memahami aplikasi keusahawanan dan keusahawanan koperasi sebagai alternatif kerjaya dan membolehkan peserta menjadikan keusahawanan sebagai wadah mempertingkatkan ekonomi diri dan masyarakat. Seramai 368 orang peserta hadir dalam bicara siswa tersebut yang terdiri daripada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta, pelajar sekolah menengah, anggota koperasi, usahawan dan penjawat awam dari sekitar Kota Kinabalu.

Sebanyak empat sesi ceramah dan satu sesi forum telah disusun dalam atur cara pada sepanjang bicara siswa berlangsung. Ceramah pertama bertajuk "Hala Tuju Belia dalam Keusahawanan" telah disampaikan oleh Dr. Nur Thara Atika binti Zainal, Timbalan Pengarah, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS). Ceramah kedua bertajuk "Keusahawanan Belia Kerjaya Pilihan" telah disampaikan oleh Puan Elya Marini binti Darmin, Ketua Secretariat PROTÉGÉ (Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs), KUSKOP. Ceramah ketiga bertajuk "Keusahawanan Koperasi Wadah Pembangunan Ekonomi Rakyat" telah disampaikan oleh Tuan Haji Efendee O.P Andu, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Cawangan Negeri Sabah. Ceramah keempat



Peserta dalam kalangan mahasiswa yang menghadiri program.

bertajuk "Pembangunan Modal Insan dalam Keusahawanan Koperasi" telah disampaikan oleh Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan), IKMa. Manakala sesi forum bertemakan "Perkongsian Pengalaman Koperasi dan Usahawan Berjaya" telah dipengerusikan oleh

Encik Mohd Razalie bin Raffae, Pengarah Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah dengan ahli panel terdiri daripada Encik Saepulrijan bin Haji Ruslan, Pengurus Koperasi Belia Lumadan Beaufort Berhad, Puan Faznim binti Ismail, Pengurus Koperasi SMK Inanam Kota Kinabalu Berhad, dan Encik Azizul Julirin,

Pengarah Urusan Kundasang Aquafarm.


Secara keseluruhannya, program "Bicara Siswa: Memperkuuh Keusahawanan Koperasi dalam Kalangan Mahasiswa" berjaya meningkatkan kesedaran mahasiswa tentang kepentingan koperasi dalam pembangunan keusahawanan. Melalui pendedahan dan perkongsian ilmu, mahasiswa tidak hanya memahami peranan koperasi dalam dunia perniagaan, tetapi juga diperkenalkan dengan peluang yang boleh dimanfaatkan untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan mereka. Program ini turut memberi platform kepada mahasiswa untuk lebih terlibat dalam aktiviti koperasi, seterusnya memperkasa mereka dalam membina kerjaya keusahawanan pada masa hadapan.



Peserta program mengabadikan kenangan bersama YBM.

Revolusi Model Perniagaan dengan Kecerdasan Buatan: Peluang & Cabaran

Hasrin Abu Hassan
hasrin@ikma.edu.my
Pusat Pengurusan Perniagaan



YBhg. Datuk Seri Dr. Md Zabid Hj Abd. Rashid sedang mengupas tajuk kepada peserta.



Encik Hasrin selaku penyelaras memulakan sesi bicara ilmu.

Pusat Pengurusan Perniagaan telah mengadakan satu program bicara ilmu yang diadakan secara dalam talian pada 5 November 2024. Bicara ilmu yang bertajuk "**REVOLUSI MODEL PERNIAGAAN DENGAN KECERDASAN BUATAN: PELUANG & CABARAN**" ini telah dibentangkan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Md Zabid bin Hj Abd. Rashid iaitu Pengurus Koperasi Profesional Wilayah Berhad dan juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pendidikan Tun Abdul Razak (PINTAR).

Tujuan penganjuran bicara ilmu kali ini adalah memberi pendedahan kepada gerakan koperasi tentang manfaat teknologi AI yang digunakan untuk mentransformasikan model perniagaan koperasi serta mencipta peluang-peluang baru dalam perniagaan agar koperasi lebih berdaya saing dalam dunia perniagaan yang dicebur. Umum sedia maklum bahawa teknologi AI merupakan keperluan utama pada masa kini. Semua bidang dan lapisan

masyarakat seharusnya mengambil peluang daripada ledakan teknologi ini bagi meningkatkan penguasaan dan kepakaran masing-masing. Bagi gerakan koperasi pula, penggunaan teknologi AI ini bagi meningkatkan keuntungan yang manfaatnya akan dikembalikan kepada anggota.

Bicara ilmu yang berlangsung selama tiga jam ini berjaya menarik 169 orang peserta daripada pelbagai fungsi koperasi di seluruh Malaysia. Ia dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan perasmian oleh Encik Mohd. Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, IKMa. Bagi menyokong keperluan teknologi AI dalam mencorakkan model perniagaan koperasi, beliau menyeru koperasi yang terlibat untuk menyertai Program Pengukuhan Digital Koperasi (CODE) yang akan diadakan pada tahun hadapan. Program

seterusnya dimulakan dengan kupasan daripada penceramah tentang evolusi dan perkembangan AI. Kemudiannya, beliau menerangkan tentang kegunaan, faedah dan kaedah serta strategi penggunaan AI dalam organisasi selain mengetahui isu dan cabaran yang dihadapi. Pelbagai pertanyaan daripada peserta bicara ilmu menggambarkan maklum balas yang positif tentang program dan tajuk yang dianjurkan kali ini. Ia sedikit sebanyak memberi semangat kepada pihak IKMa untuk terus mencurahkan ilmu kepada gerakan koperasi di Malaysia pada masa yang akan datang.





Gambar kenang-kenangan Pegawai Latihan IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohd Alzaiery Abdul bersama para peserta kursus dan Ahli Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor.

Program Anjuran Bersama antara IKMa Cawangan Tawau dan ANGKASA Selangor

Mohd Alzaiery Abdul

alzairey@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia (Cawangan Tawau)



Pegawai Latihan IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohd Alzaiery Abdul memberi taklimat kepada para peserta.

Program anjuran bersama antara IKMa Cawangan Tawau dan ANGKASA Negeri Selangor iaitu Kursus Jati Diri dan Lawatan Penanda Arah ke Arah Perolehan RM1 Juta telah diadakan di Hotel Pavilion Sandakan pada 26 - 28 Ogos 2024. Program julung-julung kali ini diadakan melibatkan seramai 40 orang guru koperasi sekolah di Selangor yang terdiri daripada Pengurus, Setiausaha, Bendahari dan Pengurus Koperasi. Peserta-peserta ini dipilih berdasarkan potensi koperasi sekolah yang telah menghampiri dan telah mencapai perolehan RM 1 Juta.

Dalam Program ini, IKMa Cawangan Tawau telah mengisi tiga slot yang dipersetujui bersama ANGKASA Negeri Selangor. Slot pertama bertajuk *Peranan IKMa dalam Gerakan Koperasi* yang telah



Para peserta yang hadir terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi Sekolah dan Pengurus Koperasi.



Ketua IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohammad Pisah Ali memberi taklimat kepada para peserta.

disampaikan oleh Pegawai Latihan IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohd Alzaiery bin Abdul. Manakala, slot kedua pula telah disampaikan oleh Ketua IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohammad Pisah bin Ali dengan tajuk *Koperasi Sekolah: Matlamat, Peranan dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi dan Isu dan Cabaran Koperasi Sekolah*.

Antara pengisian lain dalam program tiga hari ini termasuklah slot penerangan pekeliling koperasi sekolah yang dikongsi oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor,

Perkongsian kisah kejayaan koperasi yang memperoleh perolehan RM1 Juta iaitu Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning Shah Alam Berhad dan Koperasi Maktab Rendah Sains MARA Sandakan Berhad. Lawatan penanda aras ke Koperasi MRSM Sandakan turut diadakan.

Melalui program ini, ia telah membuka ruang kepada para peserta untuk mengenal pasti potensi perniagaan yang boleh dan mampu diceburi pada masa akan datang mengikut garis panduan

dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia serta isu dan cabaran dalam mencapai perolehan RM1 Juta dan bagaimana IKMa dapat membantu melalui program pembangunan modal insan koperasi yang dianjurkan sepanjang tahun.

Pihak IKMa Cawangan Tawau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta dan merakamkan penghargaan kepada ANGKASA Negeri Selangor atas kerjasama penganjuran program yang bermanfaat seperti ini.



Penglibatan aktif peserta semasa slot taklimat IKMa Cawangan Tawau.



Gambar kenangan Ketua IKMa Cawangan Tawau, Encik Mohammad Pisah Ali bersama para peserta kursus dan Ahli Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor.

Lawatan ke Koperasi Anak Merdeka Johor Berhad

Nur Yazira Hamsan

nuryazira@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Bersempena Program Turun Padang ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop) 2024 yang berlangsung di Batu Pahat, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan telah mengadakan lawatan ke Koperasi Anak Merdeka Johor Berhad (KOOP AMJ) pada 31 Julai 2024. Lawatan ini diketuai oleh Pengarah IKMa Zon Selatan, Encik Hafizal bin Abu Bakar bersama 5 orang warga kerja IKMa Zon Selatan. Turut hadir ialah Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Pontian, Encik Rosdi bin Abu Bakar. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk beramah mesra dengan koperasi selain dapat meninjau bagaimana aktiviti perniagaan

koperasi dijalankan serta dapat memperkasakan pengetahuan dan pengalaman para Pegawai Latihan IKMa Zon Selatan.

KOOP AMJ telah didaftarkan pada 6 Oktober 2020 dan beroperasi di Pontian, Johor. Aktiviti utama KOOP AMJ adalah tanaman kelapa pandan. KOOP AMJ juga memperkenalkan Program Bestari Agro Semak kepada Kebun (LASAK). LASAK adalah usaha sama pintar antara koperasi dengan pihak individu atau jabatan yang mempunyai tanah tetapi tidak diusahakan. KOOP AMJ akan mengusahakan tanah tersebut hingga mendatangkan hasil dan boleh menjadi aktiviti ekonomi individu atau jabatan tersebut. Sekolah Sri Benut antara

sekolah yang terlibat dengan program LASAK, pokok kelapa pandan ditanam di sekeliling kawasan sekolah dan memberi dua fungsi iaitu sebagai landskap dan sumber ekonomi kepada tabung PIBG sekolah. Daripada program ini, koperasi, sekolah dan usahawan turut mendapat manfaat. Tanaman kelapa pandan dipilih menjadi aktiviti utama KOOP AMJ setelah beberapa kajian dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) terhadap tanaman tersebut. Antara kebaikan tanaman kelapa pandan adalah permintaan dan trend harga kelapa pandan yang konsisten, kelapa pandan tidak bermusim seperti tanaman lain, dan tanaman ini boleh bertahan sehingga 25 tahun.



Ketibaan YB Tuan Onn, Pengurus Lembaga Pengarah IKMa.



Reruai jualan koperasi.



Taklimat oleh Puan Adila Hashim Timbalan Pengarah IKMa Zon Selatan.



Pegawai IKMa, SKM dan wakil koperasi bergambar di ladang kelapa pandan koperasi.

Lawatan ke KOOP AMJ disambut mesra oleh Pengurus koperasi iaitu Tuan Mejar (B) Mohd Hanafi bin Yunus, Timbalan Pengurus, Encik Abd Ralid bin Jani, serta barisan ALK yang lain. Program pada hari tersebut dimulai dengan sesi taklimat ringkas berkaitan program dan aktiviti koperasi oleh Tuan Mejar (B) Mohd Hanafi. Seterusnya warga kerja IKMa Zon Selatan dibawa untuk melihat kawasan ladang kelapa pandan dan merasai air kelapa pandan segar.

Sesi lawatan diakhiri dengan perkongsian maklumat program latihan yang dijalankan di IKMa Zon Selatan sepanjang tahun 2024 dan kesudian IKMa Zon Selatan dalam memberikan bantuan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bimbingan

dan latihan kepada koperasi sekiranya diperlukan.

Pada 1 Ogos 2024, Program MasKop 2024 telah diadakan di Hotel Pinetree Batu Pahat, Johor. Program dihadiri seramai 108 peserta dari sekitar negeri Johor dan Melaka. Objektif program ini adalah untuk mempromosikan program latihan yang melibatkan kursus berjadual, bimbingan berfokus, khidmat nasihat dan lain-lain yang akan berlangsung sepanjang tahun 2024 kepada koperator serta memberi peluang kepada warga koperasi laluan jalinan perniagaan antara koperasi. Selain itu, program ini dapat memberi kesedaran terhadap kepentingan integriti sebagai tonggak kecemerlangan tadbir urus koperasi dan dapat memberi kefaamanan



Ladang Kelapa Pandan milik koperasi.

berkenaan amalan integriti dalam melaksana tadbir urus koperasi. Antara pengisian program tersebut adalah Taklimat Jati Diri Koperasi dan Promosi Program Latihan IKMa 2024 oleh Puan Adila binti Hashim, Timbalan Pengarah IKMa Zon Selatan; Bual Bicara Integriti dalam Tadbir Urus Koperasi oleh Puan Melor bin Mod Zin, Timbalan Pengarah II (Kawal Selia dan Pengurusan) SKM Johor; Taklimat Peluang Perniagaan dan Kolaborasi oleh Tuan Haji Sazali bin Abd. Hamid, Pengurus ANGKASA Negeri Johor; dan diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutup Oleh YB Tuan Onn bin Abu Bakar.

Sepanjang program berlangsung, terdapat beberapa buah koperasi telah membuka reruai jualan iaitu Koperasi UTHM Johor Berhad, Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad, Koperasi Keluarga Johar Rugayah Rengit Batu Pahat Berhad, dan Koperasi Usaha Anak Felda Berhad. Para peserta memberi maklum balas yang positif bagi Program MasKop kerana agensi yang terlibat dalam memberikan taklimat sangat membantu para koperator untuk mendapatkan maklumat dan idea dalam pembangunan koperasi mereka.

SELAMAT
DATANG

Cooperative Edutour

Lawatan Sambil Belajar dari Universiti Pengurusan Koperasi IKOPIN Indonesia

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa



Para delegasi dari IKOPIN University turut merakamkan gambar kenangan usai sesi lawatan di IKMa.



Sesi taklimat berkaitan KOPETRO telah disampaikan oleh Tuan Haji Shamsudin Haron, Ketua, Projek Khas, KOPETRO.

Program Cooperative Edutour lawatan sambil belajar telah diadakan di IKMa pada 3 hingga 5 September 2024 yang lalu. Program ini disertai seramai 15 orang yang terdiri daripada pengurusan tertinggi, pensyarah-pensyarah serta para pelajar pascasiswazah dalam bidang pengurusan dari Universiti Pengurusan Koperasi IKOPIN, Indonesia (IKOPIN Universiti). Delegasi lawatan diketuai oleh Dr. Trida Gunadi selaku Timbalan Rektor, IKOPIN Universiti, Indonesia.

Antara pengisian yang telah diaturkan dalam program Cooperative Edutour ini adalah lawatan ke Institut Koperasi Malaysia (IKMa) di Petaling Jaya, Selangor yang cukup sinonim dengan peranannya dalam aspek pembangunan modal insan kepada gerakan koperasi di Malaysia. Selain daripada itu, delegasi juga turut dibawa ke dua buah koperasi terbaik di Malaysia dan sebuah Universiti Awam (UA) untuk dilawati.

Objektif lawatan ke IKMa adalah bagi mengukuhkan jalinan kerjasama

strategik yang telah terjalin antara pihak IKMa dan IKOPIN Universiti, Indonesia sejak tahun 2023 melalui perjanjian strategik Surat Tunjuk Niat (LOI). Antara skop perbincangan adalah berkaitan aktiviti penulisan atau kajian dan program-program mobiliti yang akan dijalankan secara kerjasama, berpaksikan kepada impak bukan sahaja kepada kedua-dua institusi tetapi juga kepada gerakan koperasi di kedua-dua buah negara.

Lawatan ini telah disambut mesra oleh YBhg. Prof. Dato' Azali bin

Mohamed, Naib Canselor, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) serta pegawai-pegawai di peringkat tertinggi IKMa.

Pada sebelah petangnya, delegasi telah dibawa melawat ke Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO) yang merupakan salah sebuah koperasi yang tersenarai dalam 100 koperasi terbaik di Malaysia. Penerangan berkaitan sejarah, latar belakang serta perniagaan yang dijalankan oleh KOPETRO telah disampaikan oleh Encik Roslan bin Abdul Rahim, Pengurus, KOPETRO dan Tuan Haji Shamsudin bin Haron, Ketua, Projek Khas, KOPETRO.

Pada hari berikutnya, delegasi lawatan telah dibawa ke Koperasi UNIKEB Berhad di Bangi, Selangor. Ketibaan delegasi telah disambut mesra oleh YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Hj. Othman A. Karim, Pengurus, Koperasi UNIKEB Berhad bersama-sama dengan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan Pengurusan Tertinggi Koperasi UNIKEB Berhad.

Pemilihan Koperasi UNIKEB sebagai salah satu destinasi lawatan kerja IKOPIN universiti di negara ini adalah berdasarkan kepada pencapaian prestasinya yang dibuktikan melalui kedudukan Koperasi UNIKEB berada dalam kategori 100 koperasi terbaik.

Amalan baik tadbir urus koperasi dan pencapaian aktiviti ekonomi yang mempunyai hubungan signifikan dengan kesejahteraan anggota akan dijadikan sebagai faktor penanda aras koperasi IKOPIN. Di akhir sesi perbincangan, pihak IKOPIN dan Koperasi UNIKEB bersetuju untuk meneroka peluang perniagaan khusus dalam sektor pelancongan.

Pada sebelah petang, delegasi telah dibawa ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi membincangkan potensi jalinan kerjasama antara Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM dan IKOPIN Universiti, Indonesia.

Antara fokus utama inisiatif kerjasama strategik adalah berkaitan penyelidikan dan program-program latihan khusus dalam aspek Syariah,

dalam konteks koperasi. Kejayaan koperasi BMI Syariah yang merupakan salah satu model koperasi Syariah yang berjaya di negara tersebut turut dikongsi oleh wakil delegasi tersebut. Sewaktu ketibaan, delegasi telah disambut oleh YBhg Prof. Madya Dr. Khairil Faizal Khairi, Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM bersama dengan para pensyarah serta kakitangan pengurusan.

Secara keseluruhannya program lawatan daripada IKOPIN Universiti, Indonesia ke IKMa serta koperasi-koperasi terbaik di Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini telah berjalan dengan lancar dan mengikut seperti yang telah dipersetujui antara kedua-dua buah negara. Diharapkan kerjasama yang telah dimeterai melalui Surat Tunjuk Niat (LOI) pada 15 Februari 2023 yang lalu antara IKMa dan UKKM dengan pihak IKOPIN Universiti Indonesia ini akan terus diperkasakan dan hubungan antara kedua-dua buah negara akan terus utuh.



Gambar kenangan bersama-sama dengan YBhg. Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Hj. Othman A. Karim, Pengurus, Koperasi UNIKEB Berhad.



Bergambar kenangan bersama-sama dengan YBhg. Prof. Madya Dr. Khairil Faizal Khairi, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM.



Cooperative Edutour

Kerjasama Strategik IKMa & STIESA

Nor Irzaq Nor Hamid

irzaq@ikma.edu.my

Pusat Antarabangsa

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi Stataatmadja (STIESA), Indonesia, telah menganjurkan program Cooperative Edutour 2024, pada 18-22 September 2024 di Malaysia. Program ini bertujuan untuk memupuk pemahaman mendalam tentang gerakan koperasi sambil mempromosikan pertukaran budaya antara kedua-dua negara. Seramai 40 orang delegasi dari STIESA telah menyertai program ini.

Pada hari pertama, para delegasi yang terdiri daripada pelajar dan

pensyarah STIESA telah menjelajah ibu kota Kuala Lumpur. Mereka berpeluang melawat beberapa lokasi ikonik seperti KLCC, Masjid Negara, Muzium Negara, dan Pasar Seni. Aktiviti ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para peserta mengenai sejarah, budaya, dan kemodenan Malaysia.

Hari kedua program dimulakan dengan pendedahan para pelajar terhadap gerakan koperasi di Malaysia. Bengkel yang dipimpin oleh Dr. Hussaini bin Zaini bertajuk *Cooperative Leadership Training (CTL)*:

Performance Analysis for Decision Making, memberi fokus kepada cara menganalisis prestasi koperasi bagi membuat keputusan yang berkesan. Sementara itu, para pensyarah telah mengadakan mesyuarat bersama pihak IKMa, yang dipimpin oleh Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Strategi, IKMa bagi membincangkan prospek kerjasama strategik antara IKMa dan STIESA untuk masa depan terutamanya dalam bahagian penyelidikan dan sektor pelancongan. Pada hari ketiga, peserta dibawa ke



Aktiviti senamrobik.



Penyampaian hadiah bagi aktiviti sukan rakyat.



Bergambar kenangan pintu gerbang Kampung Lonek.



IKMa dan STIESA berharap dapat bekerjasama lebih luas di bidang koperasi dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial di kedua-dua negara.



Perkongsian pengalaman oleh mantan pengurus Koperasi Homestay Lonek Berhad, Puan Norasiah Haron.



Peserta turut dibawa ke tempat pembuatan kuih tradisional iaitu kuih karas.



Antara kraf tangan yang dihasilkan oleh peserta.



Peserta berpeluang merasai pengalaman mengacau dodol.

Koperasi Homestay Lonek Berhad di Negeri Sembilan untuk merasai pengalaman tinggal bersama keluarga angkat. Selain mempelajari adat dan tradisi masyarakat Negeri Sembilan, mereka turut terlibat dalam aktiviti masakan tradisional seperti masakan dodol dan permainan rakyat termasuk boling kelapa, kelereng, tarik upih, dan *semakin jauh semakin sayang*. Peserta juga diberi peluang untuk mencuba aktiviti *mengoca* ikan, salah satu tarikan utama di Koperasi Lonek Jempol Berhad.

Pada waktu malam, peserta berpeluang mengikuti kelas

loghat Negeri Sembilan serta sesi perkongsian pengalaman mengenai koperasi bersama para pelajar yang disampaikan oleh Puan Norasiah binti Haron selaku mantan Pengurus Koperasi dan Encik Muhd Rozi bin Raas Bendahari Koperasi Homestay Lonek Jempol Berhad.

Program hari kelima dimulakan dengan senamrobik diikuti sarapan secara *potluck* bersama keluarga angkat. Kemudian, peserta dibawa melawat ke beberapa SME (*Small and Medium Enterprises*) tempatan termasuk kraf tangan dan pembuatan kuih karas, yang merupakan antara

sumber ekonomi utama masyarakat Kampung Lonek.

Majlis penutup telah dirasmikan oleh Cik Sharina binti Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Strategi, IKMa. Pada majlis penutup ini juga, para peserta mengenakan pakaian tradisional Indonesia sebagai simbolik kepada pertukaran budaya antara kedua-dua negara. Melalui *Cooperative Edutour 2024* ini, IKMa dan STIESA berharap dapat membuka pintu kerjasama lebih luas di bidang koperasi dan seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial di kedua-dua negara.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) KolKMa dengan Koperasi Pelancongan North Borneo Semporna Berhad dan Rakyat Trustee Berhad

Mohammed Hayqal Mahmad Nor

hayqal@ikma.edu.my

Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital

Bahagian Pembangunan Modal Insan (PMI) Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sekali lagi membuktikan komitmennya dalam memperkasa sektor koperasi dengan melancarkan inisiatif strategik yang membuka peluang kerjasama baharu antara koperasi di seluruh negara pada 21 Oktober 2024. PMI berpegang teguh kepada matlamatnya untuk membina jaringan yang lebih kukuh dalam kalangan koperasi bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing sektor

ini, seterusnya menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung, menyaksikan kolaborasi bersejarah antara tiga entiti koperasi yang mempunyai potensi besar dalam menyumbang kepada ekonomi koperasi negara. Kerjasama rasmi tersebut membabitkan Koperasi Warga Institut Koperasi Malaysia Berhad

(KolKMa), Koperasi Pelancongan North Borneo Semporna Berhad, dan Rakyat Trustee Berhad. Ketiga-tiga koperasi ini membawa kepakaran dan kelebihan masing-masing dalam bidang pelancongan, pengurusan amanah, serta pembangunan modal insan, sekali gus membuka ruang untuk pelbagai sinergi yang inovatif.

Memorandum Persefahaman yang dimeterai ini bertujuan memperkuatkukan lagi jalinan kerjasama strategik dalam aspek



Sesi memeterai MoU dengan Rakyat Trustee Berhad.



Sesi memeterai MoU dengan Koperasi Pelancongan North Borneo Semporna Berhad.



YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa turut hadir menterjemahkan sokongan penuh terhadap jalinan kerjasama tiga entiti koperasi.

perniagaan dan pemasaran perkhidmatan koperasi, di samping meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Hal ini adalah langkah penting dalam usaha memperkasakan koperasi sebagai pemacu utama dalam pembangunan ekonomi negara, dengan memberi penekanan kepada inovasi, kelestarian, dan keupayaan untuk menyokong keperluan komuniti setempat.

Majlis bersejarah ini turut disaksikan oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor, Ketua Pengarah IKMa, yang hadir bagi memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif ini. Kehadiran beliau bersama Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, dan Puan Hamidah binti Mohd Jos, Timbalan Ketua Pengarah

Pengurusan, menggariskan betapa pentingnya sokongan berterusan dari pihak pengurusan tertinggi IKMa dalam memastikan keberhasilan setiap inisiatif yang dilancarkan.

Kerjasama ini diharapkan dapat membuka jalan supaya lebih banyak usaha sama pada masa hadapan, bukan sahaja dalam sektor pelancongan dan amanah, tetapi juga dalam pelbagai bidang lain yang berpotensi besar untuk diteroka oleh koperasi. Dengan adanya MoU ini, koperasi-koperasi yang terlibat dijangka dapat meraih manfaat, termasuk pengembangan perniagaan yang lebih meluas, peningkatan daya saing, serta akses kepada pasaran yang lebih besar.

Inisiatif ini bukan sekadar bertujuan untuk meningkatkan keuntungan koperasi semata-mata,

tetapi juga untuk memastikan keberhasilan jangka panjang yang berimpak tinggi terhadap masyarakat. Jalinan kerjasama yang terjalin ini mampu mencetuskan pelbagai peluang ekonomi baharu, di samping meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan sumber pendapatan.

Dengan segala usaha dan inisiatif ini, sektor koperasi di Malaysia dijangka dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam pembangunan negara, sejajar dengan visi dan misi IKMa untuk memacu kecemerlangan modal insan dan inovasi dalam sektor koperasi. Kolaborasi strategik ini juga selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memastikan sektor koperasi terus relevan dan menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara, terutama dalam menghadapi cabaran-cabaran ekonomi global yang semakin kompetitif.

Pada masa yang sama, PMI beriltizam untuk terus memperkasakan modal insan koperasi melalui pelbagai program latihan dan pendidikan yang berimpak tinggi. Ini adalah sejajar dengan komitmen IKMa untuk melahirkan tenaga kerja koperasi yang kompeten dan inovatif, yang mampu memacu pertumbuhan koperasi ke tahap yang lebih tinggi. Melalui sokongan padu daripada semua pihak yang terlibat, kolaborasi ini dijangka mampu memberikan impak positif yang berterusan kepada industri koperasi di Malaysia serta menyumbang secara langsung kepada pembangunan ekonomi negara pada masa hadapan.

Lawatan ke Koperasi Komuniti Cakna Wakaf Tapai Marang Berhad

Norsyeirawani Shari

norsyeirawani@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu)

Produk-produk koperasi.

Satu lawatan ke Koperasi Komuniti Cakna Wakaf Tapai Marang Berhad telah diadakan pada 22 September 2024 yang lalu. Lawatan ini telah diketuai oleh Cik Norsyeirawani binti Shari, Ketua Cawangan Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu) bersama-sama dengan Encik Muhammad Arif Hakimi bin Md Salleh, Pegawai Latihan IKMa Cawangan Kuala Terengganu. Lawatan ini bertujuan untuk melihat sendiri bengkel pembuatan produk kraf tangan koperasi yang berasaskan batik Terengganu serta mempelajari bagaimana koperasi ini menguruskan tujuh orang pekerja Orang Kurang

Upaya (OKU) yang menjahit produk kraf tangan koperasi dan memastikan semua produk yang dihasilkan menepati piawaian yang dikehendaki oleh pelanggan.

Pegawai IKMa yang hadir telah diberi taklimat oleh Puan Wan Nur Akmal binti Wan Ibrahim, selaku setiausaha koperasi dan Puan Suhaila binti Muhammad, bendahari koperasi berkaitan objektif penubuhan koperasi, produk yang dihasilkan serta perancangan koperasi pada masa akan datang dalam membantu masyarakat cakna mengenai golongan kurang upaya melalui inovasi penghasilan produk kraftangan hasil golongan OKU.

Melalui hasil lawatan ini juga, pihak koperasi berharap agar IKMa dapat membantu koperasi dalam memantapkan urusan tadbir urus koperasi terutama berkaitan pengurusan kewangan dan aturan perniagaan koperasi selain menjalin hubungan baik antara IKMa dan koperasi. Perkongsian sepanjang lawatan ini memberi banyak input dan inspirasi kepada pegawai IKMa untuk dijadikan sebagai contoh dalam sesi pengajaran kursus-kursus IKMa akan datang terutama mengenai kepentingan jati diri dalam kejayaan sesebuah koperasi.



Pekerja-pekerja koperasi bersama Setiausaha Koperasi, Puan Akmal.

Suasana bengkel menjahit produk.



Para peserta bergambar di hadapan Menara Berkembar Petronas KLCC semasa sesi city tour pada hari pertama program di Kuala Lumpur.



Para peserta program Cooperative Leadership Training (CLT 2024) bergambar bersama-sama barisan pengurusan tertinggi IKMa dan UKKM selepas selesai sesi pembukaan majlis.

Pemerkasaan Koperasi Melalui Program Cooperative Leadership Training (CLT)

Muhammad Afnan Hasim
afnan@ikma.edu.my
Pusat Antarabangsa

Program Cooperative Leadership Training (CLT) 2024 yang diadakan pada 4 hingga 8 November 2024 di Hotel The Everly Putrajaya merupakan salah satu inisiatif IKMa untuk memperkasa 20 orang pemimpin koperasi dari Mindanao, Filipina. Program ini menggabungkan sesi teori, praktikal, dan lawatan lapangan yang memberi pendedahan kepada peserta mengenai model-model koperasi yang berimpak positif kepada ekonomi, sosial, dan alam

sekitar. Fokus utama program ini adalah memperkuuh kepimpinan koperasi dan memberi pendedahan kepada peserta berkaitan kaedah yang praktikal untuk menangani cabaran masa hadapan, sambil membangunkan koperasi yang mampan dan berdaya saing.

Program CLT 2024 memberikan impak yang ketara kepada peserta, terutamanya dalam membangunkan pemahaman mendalam tentang strategi dan inisiatif yang perlu

diambil untuk memastikan pertumbuhan koperasi yang mampan. Salah satu aspek yang ditekankan adalah pemerkasaan koperasi dalam menghadapi cabaran persekitaran yang tidak menentu. Peserta telah membincangkan pelbagai cara untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan ketidaktentuan yang melanda dunia perniagaan dan ekonomi, seperti peningkatan harga bahan mentah dan kesan perubahan iklim.



Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (PMI), dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Azali Mohamed, Naib Canselor, UKKM serta pengurusan tertinggi IKMa serta pengarah Pusat Antarabangsa hadir sebagai tetamu jemputan semasa sesi pembukaan program Cooperative Leadership Training (CLT 2024).



Pengacara majlis semasa sesi pembukaan program Cooperative Leadership Training (CLT 2024) dan turut memberikan taklimat berkaitan perjalanan program.

Melalui pengalaman di Koperasi Tunas Lada Jerantut di Pahang, peserta dapat melihat model perniagaan koperasi yang praktikal dan efektif dalam sektor akuakultur. Koperasi ini aktif dalam penternakan ikan patin dan secara berterusan mengambil inisiatif untuk meningkatkan nilai rantaian industri ini melalui amalan atau teknik-teknik yang memberi impak positif kepada hasil penternakan. Di samping itu, peserta dapat memahami bagaimana

koperasi ini memastikan amalan pengurusan yang memenuhi piawaian kualiti, terutamanya aspek halal dalam rantai penternakan ikan, untuk memastikan pematuhan syariah dalam pengeluaran produk.

Peserta memberikan perhatian khusus kepada aspek halal dalam rantai pemeliharaan ikan patin yang diamalkan oleh Koperasi Tunas Lada Jerantut. Dalam era globalisasi ini, pengeluar dan koperasi perlu memastikan bahawa produk

mereka tidak hanya berkualiti, tetapi juga mematuhi standard syariah. Keberhasilan koperasi ini dalam memastikan penternakan ikan patin yang halal memberi inspirasi kepada peserta untuk mengadaptasi amalan tersebut dalam koperasi mereka. Dengan penekanan terhadap pematuhan syariah dan kualiti, peserta menyedari bahawa pentingnya membina kepercayaan dan reputasi dalam pasaran yang semakin kompetitif.



Para peserta bergambar berlatarbelakangkan Masjid Negara.



Sesi The Evolution of Malaysia's Cooperative Movement and Cooperative Leadership Roles telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr. Hjh. Hayati Salleh, Pengurus, Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Johor (KOPDAP).



Para peserta sewaktu mendengar taklimat berkaitan pemberian ikan patin yang disampaikan oleh Encik Mohd Roslan, Anggota Lembaga Koperasi, Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad sewaktu sesi lawatan ke koperasi.



Sesi *Good Governance Practices in Cooperatives Framework* telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Tuan Haji Nasir Khan Yahaya.



Sesi *Leadership, Corporate Governance & Internal Control: Strategic Alignment for Cooperative Success* yang telah disampaikan oleh YBhg. Brig. Jen. Dato' Ahmad Zahudi Salleh (Bersara).

Program ini juga memberi fokus kepada perbincangan tentang inisiatif strategik yang perlu dilaksanakan oleh koperasi untuk memberi tindak balas terhadap cabaran persekitaran yang tidak menentu. Sebagai contoh, peserta menyarankan pentingnya koperasi untuk mengembangkan strategi yang fleksibel dan responsif terhadap perubahan pasaran dan peraturan yang sentiasa berubah.

Dalam sesi perbincangan, para peserta juga membincangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan daya tahan koperasi dalam situasi ketidaktentuan ekonomi global.

Diharapkan ilmu yang diperoleh sepanjang program ini akan memberi impak positif kepada pengurusan koperasi peserta di Filipina, seterusnya membantu memperkuuh ekonomi

setempat dan memajukan sektor koperasi di peringkat global. Program ini merupakan satu langkah penting dalam mempersiapkan koperasi untuk menghadapi cabaran masa depan, membangunkan koperasi yang lebih *resilient*, mampan, dan berdaya saing, serta merancang inisiatif yang memberi manfaat kepada generasi akan datang.



Urus setia program CLT yang bertugas bagi memastikan perjalanan program berjalan dengan lancar.



Para peserta bergambar kenangan bersama YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah, IKMa, serta tetamu jemputan selepas menerima sijil tamat kursus.



Sesi lawatan ke Koperasi Muamalat.

Lawatan ke Kilang Emas Koperasi Muamalat Berhad & Nubex Sdn. Bhd.

Nazirah Baharudin

nazirah@ikma.edu.my
Pusat Perundingan Koperasi

Sesi lawatan ke Kilang Nubex.

Pusat Perundingan Koperasi (PRK) Institut Koperasi Malaysia (IKMA) telah mengadakan lawatan ke kilang emas pada 20 September 2024 di dua lokasi iaitu kilang emas Koperasi Muamalat Berhad dan kilang emas Nubex Sdn Bhd. Kunjungan ke kilang tersebut diadakan rentetan daripada permohonan dari Koperasi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu Berhad (KOSMAT) untuk menjalankan aktiviti jual beli emas di koperasi. Ia juga bertujuan bagi mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti proses pengeluaran emas secara sistematik. Justeru, PRK selaku pusat yang dipertanggungjawabkan untuk menawarkan perkhidmatan perundingan dan bimbingan kepada koperasi kluster besar dan sederhana

yang bermula tahun 2022, telah membawa seramai 20 orang Anggota Lembaga Koperasi untuk melihat proses pengeluaran emas yang dikendalikan oleh kilang di bawah koperasi dan sdn bhd.

Lawatan ini mengambil masa selama sehari iaitu pada sesi pagi di kilang Koperasi Muamalat Berhad manakala lawatan ke kilang Nubex Sdn Bhd pada sesi petang. Melalui lawatan ini, Anggota Lembaga Koperasi didekah tentang operasi kilang, sistem pengurusan kilang dan proses produk seperti *gold bar* yang dikeluarkan. Anggota juga diberikan taklimat berkaitan latar belakang koperasi iaitu sejarah, visi, misi koperasi dan lain-lain. Selain itu, mereka juga dibawa

untuk melawat sekitar kilang bagi melihat proses pengeluaran *gold bar*. Anggota dapat melihat proses pengendalian mesin dilakukan dan bahan mentah diproses. Semasa sesi lawatan, mereka turut dikongsi berkaitan piawaian industri dan langkah-langkah keselamatan semasa pengendalian mesin serta teknologi dan inovasi terkini dalam pengendalian mesin yang digunakan.

Melalui hasil lawatan ini, para peserta diberi pendedahan secara jelas bagaimana proses penghasilan *gold bar* dan pengoperasian koperasi kluster besar dalam penglibatan perniagaan emas, di samping dapat memahami kepentingan ekonomi koperasi dalam pembangunan komuniti.

Kunjungan Hormat Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ke Institut Koperasi Malaysia

Nur Ain Azmira Abu Seman

azmira@ikma.edu.my

Unit Komunikasi Korporat



Sesi taklimat oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa kepada Delegasi PTPTN.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berbesar hati menerima kunjungan hormat dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang diketuai oleh YBrs. Puan Mastura binti Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN bersama delegasi kunjungan. Sebagai tuan rumah, kunjungan hormat ini telah disambut mesra oleh YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor selaku Ketua Pengarah IKMa.

Antara objektif lawatan delegasi PTPTN ke IKMa adalah untuk

mengenal pasti ruang kerjasama dalam pelbagai aspek serta mengukuhkan lagi hubungan profesional untuk kerjasama antara PTPTN dan IKMa pada masa akan datang. Delegasi dari PTPTN ini telah dibawa untuk melawat Perpustakaan Tan Sri Noh Omar IKMa Petaling Jaya Selangor dan telah diberi penerangan berkaitan perkhidmatan di perpustakaan dan kemudahan lain yang terdapat IKMa Petaling Jaya.

Selain itu, dalam kunjungan ini terdapat pelbagai cadangan kerjasama telah dibincangkan dan kedua-dua agensi telah bersetuju untuk menjalin satu kerjasama strategik dengan menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama.

Hasil daripada perbincangan kerjasama tersebut, antara skop kerjasama yang dicadangkan adalah pertama, IKMa memberi perkhidmatan bimbingan dan



Delegasi PTPTN dibawa melawat sekitar bangunan IKMa.



Penerangan ringkas oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus menerangkan tentang fungsi Makmal Teknologi IR4.0.

sokongan dalam penubuhan Koperasi PTPTN, IKMa menerapkan pembudayaan penabungan simpan SSPN bagi seluruh warga IKMa melalui pelbagai program, IKMa mewujudkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada kakitangan IKMa dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime.

PTPTN juga perlu bersama meningkatkan kesejahteraan warga IKMa melalui pelbagai program di bawah tanggungjawab

sosial korporat (CSR) seperti meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan agensi agar berupaya memenuhi keperluan industri menerusi Program Penempatan Silang selain menganjurkan program promosi produk / perkhidmatan bersama antaranya menjalankan program Sahabat PTPTN dan lain-lain usaha serta inisiatif yang berkemungkinan dapat dimajukan dan diusahakan bersama.

Diharap dengan selesainya sesi menandatangani MoU ini, kedua-dua pihak akan menerima impak yang baik hasil kerjasama yang dijalankan bersama antara PTPTN dan IKMa. Diharap juga agar semua cadangan program kerjasama yang telah dibincangkan bersama Ketua Pengarah IKMa semasa sesi kunjungan hormat yang lepas dapat dibincangkan untuk dilaksanakan bersama oleh kedua-dua pihak.



Penyerahan momento IKMa oleh YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor, Ketua Pengarah IKMa kepada Delegasi PTPTN.



Pemberian plak penghargaan oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, TKPPMI Kepada SUT Kementerian Pelancongan & Alam Sekitar Sabah, YBhg. Datuk Josie Lai.



Gambar kenangan kakitangan IKMa yang diketuai oleh Encik Mohd Zaib Mat Yunus, TKPPMI bersama SUT Kementerian Pelancongan & Alam Sekitar Sabah, YBhg. Datuk Josie Lai.

Program Regatta Lepa di Semporna, Sabah

Mohd Alzairey Abdul
alzairey@ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia (Cawangan Tawau)

Program Regatta Lepa merupakan sebuah acara tahunan yang diadakan di Semporna, Sabah. Program ini merupakan perayaan budaya yang sangat penting bagi masyarakat Bajau Laut, yang merupakan suku kaum yang tinggal di kawasan pesisir dan pulau-pulau di sekitar Semporna.

Regatta Lepa biasanya diadakan pada bulan April atau Mei setiap tahun dan merupakan salah satu festival yang paling dinantikan di Sabah. Namun, pada tahun ini, perayaan ini telah diadakan pada penghujung tahun atau lebih spesifik lagi pada 22 – 24 November 2024.

Terdapat pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan sepanjang program ini yang menjadi tarikan bagi program ini termasuklah kepada pelancong-pelancong yang hadir ke daerah ini, antaranya termasuklah pertandingan perahu lepa, pertunjukan kebudayaan dan seni,



Kakitangan IKMa Cawangan Tawau yang terlibat dalam Program Regatta Lepa, Semporna.



Antara pengunjung yang hadir ke reruai IKMa.

pameran kebudayaan dan kraftangan, pertandingan sukan tradisional, persembahan kesenian moden dan banyak lagi. Turut diadakan adalah pameran daripada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri memeriahkan lagi program ini.

IKMa Cawangan Tawau juga tidak ketinggalan membuka reruai sepanjang program ini berlangsung. Dalam menguar-uarkan fungsi dan peranan IKMa dalam memacu

pertumbuhan perkembangan koperasi melalui latihan, program latihan bagi tahun 2025 juga turut dihebahkan. Bagi menarik pengunjung-pengunjung ke reruai, pihak IKMa Cawangan Tawau telah mengadakan kuiz koperasi dan pertandingan pantun koperasi. Tiga orang kakitangan IKMa Cawangan Tawau telah terlibat sepanjang program ini termasuklah Ketua Cawangan, Encik Mohammad Pisah bin Ali. Turut hadir

dalam program ini ialah Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMa dalam lawatan kerja beliau ke daerah ini. Turut membuat lawatan ke reruai IKMa ialah YBhg. Datuk Josie Lai, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan & Alam Sekitar Sabah, bersama pengurusan tertinggi Pejabat Daerah Semporna dan Jabatan Pertanian Semporna selaku penganjur program.



Encik Mohd Alzaiery Abdul menerangkan peranan IKMa dalam membantu koperasi pelancong setempat kepada pengunjung reruai.



Antara peserta yang berjaya menjawab kuiz koperasi yang diadakan oleh pihak IKMa Cawangan Tawau.

IKMa Tingkatkan Kesedaran Mahasiswa USIM Tentang Peluang Koperasi

Mohamad Haswardi Morshidi
haswardi@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Peserta USIM yang menyertai sesi *awareness* koperasi.

Lebih 100 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak melepaskan peluang menghadiri taklimat eksklusif Program Graduan ke Koperasi (G2K) yang dianjurkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) pada 30 Oktober 2024. Sesi ini dipimpin oleh Puan Nur Syazwani binti Zainul Abidin, Pegawai Latihan Pusat Pendidikan Tinggi IKMa, yang memberikan pendedahan mendalam tentang potensi besar sektor koperasi sebagai platform latihan industri yang berdaya saing dan dinamik. Program G2K bukan sekadar memperkenalkan mahasiswa kepada peluang kerjaya, tetapi turut membuka minda mereka tentang peranan koperasi dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Mahasiswa diperlihatkan bagaimana sektor koperasi, dengan nilai-nilai keusahawanan

dan kemampannya, mampu menyediakan laluan kerjaya yang stabil, inovatif, dan mencabar. Melalui program ini, peserta juga diberi kefahaman tentang cara koperasi boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan sambil membina kemahiran kepimpinan yang diperlukan dalam dunia kerjaya sebenar.

Kehadiran memberangsangkan daripada kalangan mahasiswa tahun akhir USIM mencerminkan minat mendalam terhadap peluang yang ditawarkan oleh sektor koperasi. IKMa melihat sambutan positif ini sebagai satu langkah penting dalam usaha memperluaskan inisiatif G2K ke lebih banyak institusi pendidikan tinggi di seluruh negara. Dengan lebih ramai mahasiswa diberikan akses kepada program seperti ini, Malaysia

dapat melahirkan generasi pemimpin muda yang berwawasan, cekap, dan bersedia untuk mengukuhkan legasi kepimpinan koperasi pada masa hadapan. Sesi ini juga menyerlahkan komitmen IKMa dalam memupuk kesedaran mengenai potensi sektor koperasi, khususnya dalam kalangan generasi muda. Dengan sokongan berterusan daripada institusi pengajian tinggi seperti USIM, G2K diyakini akan menjadi pemangkin kepada transformasi landskap ekonomi negara, sekali gus membuka lebih banyak peluang kerjaya yang bermanfaat untuk mahasiswa. Masa depan yang cerah menanti mereka yang berani meneroka dunia koperasi dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari ke arah membina masa depan yang mampan dan berdaya saing.

Program Graduan ke Koperasi (G2K) Buka Peluang Emas untuk Mahasiswa UPNM

Mohamad Haswardi Morshidi

haswardi@ikma.edu.my

Pusat Pendidikan Tinggi

Bayangkan sebuah peluang kerjaya yang bukan sahaja menjanjikan kestabilan, tetapi juga ruang untuk anda berkembang sebagai pemimpin masa depan. Inilah yang ditawarkan oleh Program Graduan ke Koperasi (G2K), yang baru-baru ini membuka mata lebih 200 mahasiswa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) tentang potensi besar dunia koperasi. Pada 16 Oktober 2024, Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama UPNM di bawah pimpinan Dr. Rogis Baker, telah

mengadakan taklimat eksklusif mengenai program ini. Disampaikan oleh Encik Mohamad Haswardi bin Morshidi dan Encik Hamzi bin Muhamad, sesi penuh inspirasi ini memperkenalkan sektor koperasi sebagai platform latihan industri yang kompetitif dan peluang kerjaya yang tak ramai sedar potensinya.

Dengan koperasi kini berkembang pesat sebagai sektor yang inovatif dan dinamik, Program G2K membuka laluan emas untuk mahasiswa membina masa depan yang lebih cerah. Ia direka bukan sahaja membantu peserta memahami potensi kerjaya dalam

koperasi, tetapi juga melahirkan generasi pemimpin yang mampu memacu pembangunan ekonomi negara. Kehadiran luar biasa daripada mahasiswa UPNM membuktikan minat mereka terhadap peluang ini. IKMa optimis program ini mampu menjadi titik perubahan besar dan berharap ia dapat diperluaskan ke lebih banyak universiti di seluruh Malaysia. Untuk anda yang inginkan kerjaya bermakna dengan legasi kepimpinan tersendiri, dunia koperasi mungkin pintu masa depan anda. Jadi, bersedia lah melangkah ke arah transformasi kerjaya yang luar biasa ini.

Kehadiran luar biasa daripada mahasiswa dan mahasiswi UPNM.





Peserta Program Graduan ke Koperasi (G2K) IKMa-USIM-UPNM 2024.



Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Rasydi Abd Rashid, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi IKMa.

Transformasi Generasi Muda Melalui Program Graduan ke Koperasi

Mohamad Haswardi Morshidi
haswardi@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi

Program Graduan ke Koperasi (G2K) 2024 telah berjaya dilaksanakan dari 23 hingga 27 November 2024, menghimpunkan seramai 64 peserta hebat dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Program ini melibatkan 35 peserta dari USIM dan 29 peserta dari UPNM yang menunjukkan semangat tinggi sepanjang lima hari yang penuh bermakna. Para peserta berpeluang mendalamai dunia koperasi melalui pembelajaran mengenai asas dan perundungan koperasi, pengurusan kewangan serta strategi koperasi, kemahiran pemasaran digital, dan latihan keterampilan diri yang membina keyakinan luar biasa. Program ini turut diserikan dengan

ceramah inspirasi oleh Dr. Anuar Ali dari UiTM, yang berjaya memukau peserta dengan penyampaiannya yang berkesan. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Rasydi bin Abd Rashid, Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi IKMa, dengan kehadiran Dr. Rogis bin Baker (Ketua Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, UPNM) dan Puan Arfizawati Abd Hadi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi, IKMa yang turut memeriahkan acara.

Program ini bukan sahaja membuka minda para peserta terhadap peluang dan cabaran dalam dunia koperasi, tetapi juga memberikan pengalaman berharga dalam membina kemahiran

kepimpinan dan komunikasi. Dengan bimbingan dan latihan intensif yang diberikan, para graduan ini diyakini mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan koperasi pada masa hadapan. G2K 2024 turut menjadi platform untuk mengukuhkan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dan sektor koperasi, membentuk jaringan profesional yang bermanfaat untuk pembangunan kerjaya pelajar. Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan sepanjang program ini. Anda adalah generasi masa depan yang luar biasa, bersedia untuk melangkah lebih jauh dalam menyumbang kepada kejayaan dunia koperasi.



Puan Azmaliza berkongsi maklumat berkaitan dengan kenali koperasi.



Puan Anizah bersama-sama pelajar bagi menerangkan topik sistem pentadbiran koperasi.



Encik Haswardi bersama-sama pelajar bagi topik memahami pernyata kewangan koperasi.



Puan Aslamiah bersama-sama pelajar bagi topik Microsoft Excel lanjutan.

Kursus Sijil Pengurusan Koperasi: Persediaan Graduan Menyertai Dunia Koperasi

Nur Syazwani Zainul Abidin
nursyazwani@ikma.edu.my
Pusat Pendidikan Tinggi



Encik Hamzi bersama-sama pelajar bagi topik pemasaran digital koperasi.

Pusat Pendidikan Tinggi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengendalikan Kursus Sijil Pengurusan Koperasi dengan dihadiri 20 pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM sebagai persediaan latihan industri di koperasi terpilih. Program ini diadakan di IKMa, Petaling Jaya selama lima hari dari 30 November sehingga 4 Disember 2024 dengan merangkumi



Pelajar membuat pembentangan bagi topik perundungan koperasi di Malaysia.



Para pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan bagi topik pemasaran digital.



Puan Nur Syazwani menyampaikan taklimat latihan industri kepada para pelajar.



Puan Arfizawati, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi menyampaikan sijil kepada wakil pelajar Encik Akbar Faris.

sembilan topik asas koperasi seperti Kenali Koperasi, perundungan koperasi di Malaysia, tadbir urus koperasi, sistem pentadbiran koperasi, asas kewangan koperasi, pengurusan strategik, Microsoft Excel, pemasaran digital serta komunikasi & keterampilan diri yang disampaikan oleh Pegawai Latihan IKMa serta penceramah jemputan.

Kursus sijil pengurusan koperasi ini adalah tahun ketiga kerjasama antara IKMa dengan UKM kepada pelajar tahun akhir Fakulti Ekonomi & Pengurusan bagi tujuan melahirkan graduan tenaga kerja/profesional dalam sektor koperasi serta memberi nilai tambah kepada pelajar agar dapat menarik minat golongan muda untuk bersama-sama dalam gerakan koperasi.

Pada akhir kursus ini, majlis penyampaian sijil telah disampaikan oleh Puan Arfizawati binti Abd Hadi, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi kepada wakil pelajar iaitu Encik Akbar Faris bin Mohd Saidinar.



Para pelajar serta Dr. Anuar dalam aktiviti komunikasi & keterampilan diri.



Sesi bergambar bersama para pelajar yang mengikuti Sijil Pengurusan Koperasi anjuran IKMa - UKM.



Hari Sukan IKMa Zon Selatan: Pertandingan Boling

Adila Hashim

adila@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

Hari Sukan merupakan antara program tahunan yang dijalankan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Zon Selatan. Bersempena Hari Sukan IKMa Zon Selatan, pertandingan boling telah diadakan pada 20 Jun 2024 bertempat di Universal Bowling Mydin Mall Mutiara Rini. Objektif program ini adalah untuk merapatkan hubungan dan silaturahim sesama warga kerja dengan aktiviti yang bermanfaat selain dapat mengamalkan gaya hidup sihat melalui sukan boling. Program ini disertai oleh lapan orang warga kerja yang terdiri daripada bahagian akademik dan pentadbiran IKMa Zon Selatan.

Hari Sukan IKMa Zon Selatan berlangsung selama dua jam dan meliputi dua pusingan permainan. Kesemua peserta menunjukkan kehandalan sepanjang tempoh pertandingan dan kepuasan bersukan. Program ini diakhiri dengan ucapan penghargaan kepada semua warga kerja yang hadir dan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan boling yang disampaikan oleh Encik Hafizal bin Abu Bakar, Pengarah IKMa Zon Selatan. Secara keseluruhannya, matlamat Hari Sukan IKMa Zon Selatan pada kali ini telah mencapai objektifnya dan secara tidak langsung dapat mencungkil bakat bermain boling dalam kalangan warga kerjanya. Diharap program hari sukan seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang pertandingan serta warga kerja yang dapat meluang masa untuk menyertai program ini.



Gambar kenangan program Hari Sukan IKMa Zon Selatan.





Semua peserta bergambar dalam kawasan Hutan Taman Botanic Makiling.



Bersama peserta dari Pasific Islands semasa lawatan ke Makiling Botanic Forest.

1st Asia-Pacific Young Farmers Camp and Agrilympics (AP-YFCA)

Malesa Shela Ta'yib

malesa@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Mohd Hamzah Kasim

hamzah@ikma.edu.my

Institut Koperasi Malaysia Zon Utara



Hari pertama peserta berhimpuan pada majlis pembukaan program.



Aktiviti Forest Walk- peserta dibawa meneroka Hutan Taman Botani Makiling yang terletak dalam kawasan University of Philippines Los Banos.

Seramai 120 orang delegasi dan peserta yang terdiri daripada petani muda dari 19 buah negara merentasi Asia-Pasifik telah menyertai program 1st Asia-Pacific Young Farmers Camp and Agrilympics (AP YFCA) bertempat di University of the Philippines Los Banos (UPLB). Program ini telah berlangsung selama lima hari bermula 12 hingga 16 Ogos 2024. Untuk siri yang pertama ini, Filipina menjadi negara pertama yang dipilih sebagai tuan rumah manakala UPLB sebagai hos sepanjang lima hari program berlangsung. Tiga organisasi yang bertindak sebagai pengangur utama program ini ialah Asian Farmers' Association for Sustainable Rural Development (AFA), International Cooperative Alliance (ICA), dan Pacific Farmers Organizations (PFO). Objektif utama program ini adalah mengupas dan menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh komuniti petani terutama petani muda di rantau Asia-Pasifik. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang merupakan salah sebuah



IKMa diberi penghargaan mewakili ICA dalam program tanaman anak pokok.



Dua orang wakil IKMa Encik Hamzah dan Puan Malesa.

organisasi yang merupakan ahli kepada ICA telah menghantar dua orang wakil seterusnya mewakili negara Malaysia bagi melihat dan mempelajari pelbagai kemahiran dan isu-isu berkaitan pertanian dan agrikultur.

Program 1st APYFCA yang julung kali diadakan ini banyak memberi pendedahan dan pembelajaran berkaitan bidang pertanian dan agrikultur. Peserta dapat berinteraksi dengan petani berpengalaman, pakar pertanian, dan rakan-rakan yang mempunyai minat yang sama sekali gus membina rangkaian hubungan dan peluang kerjasama

yang berharga. Dalam program ini, peserta turut didedahkan tentang teknik pertanian tradisional dan moden yang khusus untuk kawasan-kawasan tertentu, serta memahami lebih mendalam mengenai hubungan pertanian dengan budaya dan tradisi tempatan.

Program lima hari yang bermula dengan perarakan masuk para delegasi dan peserta dengan kibaran bendera negara masing-masing dengan penuh bangga, nyalaan obor dan diiringi muzik pancaragam di Taman Kebebasan, UPLB. Program turut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti bermanfaat

seperti ceramah, bengkel, lawatan, praktikal, perkongsian pengalaman, dan aktiviti sukan tradisional turut memberi pengalaman yang luar biasa kepada para peserta. Semua aktiviti ini dilaksanakan pada waktu siang manakala pada malam hari peserta dari 19 buah negara ini berinteraksi melalui program Malam Solidariti dan Kebudayaan. Melalui aktiviti sebegini peserta dari pelbagai negara dapat mempelajari adat, budaya serta bahasa masing-masing. Kami turut memperkenalkan makanan (kuih) tradisi negara masing-masing yang sempat dibawa ke sana.



IKMa @ wakil Malaysia memperkenalkan kompang dan kuih tradisi Malaysia.



Lawatan ke Institut Penyelidikan Padi Antarabangsa (IRRI).

Secara keseluruhannya, program 1st APYFCA memberikan pengalaman yang menyeluruh dan mendalam kepada para peserta terutama mereka dalam kalangan para petani muda yang bercita-cita tinggi dan yang sedang bergiat aktif dalam pertanian. Peserta memperoleh pendedahan yang tidak ternilai kepada amalan pertanian tradisional dan moden yang unik di Filipina, bersama dengan pengetahuan praktikal dalam pertanian mampan, teknologi canggih, dan pengurusan ladang yang berkesan. Program ini turut memupuk peluang jaringan dengan profesional industri dan rakan

kerjasama, mendorong penyelesaian masalah yang inovatif melalui bengkel dan pertandingan, serta memberikan wawasan tentang dasar pertanian dan strategi pasaran. Program ini berfungsi sebagai platform dinamik untuk perkembangan peribadi dan profesional, melengkapkan petani muda dengan kemahiran dan hubungan yang diperlukan untuk berjaya dalam landskap pertanian yang sentiasa berkembang.

Program ini diakhiri dengan majlis penutupan program 1st AP YFCA yang berlangsung dengan meriah di Auditorium DL Umali, SEARCA, University of Philippines pada 16

Ogos 2024. Peserta, sukarelawan dan pengajar telah diiktiraf dan dihargai atas kerja dan usaha mereka menjadikan program ini berlangsung dengan berjaya dan sempurna. Peserta mewakili negara masing-masing juga diberikan kesempatan menyampaikan mesej dan ucapan penutup dalam menggamit memori mereka ketika menyertai program AP YFCA. 2nd AP YFCA dijangka akan berlangsung pada tahun 2026 dengan Kepulauan Pasifik menjadi tuan rumah seterusnya, dan dijangka pelbagai aktiviti yang menarik serta memberi manfaat akan diberikan kepada petani muda di rantau Asia-Pasifik.



Perarakan pembukaan 1st Asia Pasific Young Farmers and Agrilympics oleh peserta wakil setiap negara.

Peserta mempamerkan produk masing-masing dalam sesi Knowledge Market Share Fair.



Penyerahan sijil penyertaan di akhir program.



Semua peserta, sukarelawan dan pengajar meraikan Majlis Penutupan Program AP YFCA di Dewan SEARCA, UPLB.



Ekspedisi Menawan Gunung Rinjani – Kelab Sukan dan Sosial IKMa

Nabila Rahimuddin
nabila@ikma.edu.my
Kelab Sukan dan Sosial IKMa



Barisan pendaki tiba di puncak Gunung Rinjani dan merakam memori bersama.

Kelab Sukan dan Sosial Institut Koperasi Malaysia (KSS IKMa) telah menganjurkan Program Conquering Mt. Rinjani pada 14 - 18 September 2024 bertempat di Gunung Rinjani, Lombok, Indonesia. Program ini telah disertai seramai 12 orang kakitangan yang merupakan ahli KSS. Program Conquering Mt. Rinjani bertujuan untuk membawa peserta menawan puncak Gunung Rinjani yang merupakan gunung kedua tertinggi di Indonesia. Gunung Rinjani yang terletak di Pulau Lombok, Nusa Tenggara Barat merupakan gunung yang menjadi pilihan utama bagi setiap pendaki kerana mempunyai tarikan tersendiri dan keindahan alam yang luar biasa. Gunung Rinjani juga merupakan gunung berapi kedua tertinggi di Indonesia yang berketinggian 3,726 meter dari aras laut. Terdapat pelbagai jalur pendakian untuk sampai ke puncak dan kebanyakan pendaki memilih jalur pendakian Sembalun – Torrean kerana Jalur Sembalun menyajikan pemandangan savana yang luas manakala Jalur Torrean pendaki akan melalui air terjun dan sungai seperti jurassic park.

Program ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal tetapi juga kekuatan mental dalam mendepani cabaran mendaki gunung yang mencabar. Objektif utama program ini adalah untuk memupuk



Bergambar kenangan di Pos 3 sebelum meneruskan pendakian.



Laluan berbukit sebelum tiba ke tapak perkhemahan.

semangat kerjasama dan kekuatan berpasukan, meningkatkan daya tahan fizikal dan mental peserta serta menerapkan nilai disiplin, kecekalan dan kesabaran dalam menempuh cabaran semasa pendakian.

Pendakian ini juga selaras dengan tema sambutan Hari Malaysia tahun 2024 iaitu Malaysia MADANI : Jiwa Merdeka di mana ia menuntut kerjasama daripada semua pihak untuk menjayakan program ini sehingga berjaya. Persiapan rapi yang telah dilakukan pihak urus setia dan peserta selama setahun mendatangkan hasil apabila semua peserta telah berjaya menawan Gunung Rinjani pada 16 September 2024.

Program pendakian tersebut telah berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama daripada pihak OHANA Travel & Tours Sdn. Bhd yang menunjuk arah dan memastikan setiap peserta berjaya sampai ke puncak dan turun dengan selamat. Pihak KSS IKMa juga amat berterima kasih kepada pihak pengurusan IKMa dan semua pihak yang menyokong program ini. Jutaan

terima kasih juga diucapkan kepada Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Pengarah (PMI) yang turut hadir pada hari pelepasan dan sentiasa memberikan sokongan penuh kepada KSS IKMa.

Pendakian selama 3 hari 2 malam amat mencabar mental dan fizikal khususnya dengan cuaca yang sangat sejuk akibat hujan dan juga ruang udara dipenuhi dengan pasir batu kerikil. Walaupun pendakian sangat mencabar, namun pendaki dapat melihat panorama yang indah dan unik. Laluan Sembalun dan Torrean merupakan laluan yang sangat curam dan bahaya namun pemandangannya sangat cantik. Perjalanan yang mengambil masa lebih dari 14 jam melalui tebing yang curam, kawasan bergaung, lembah hijau berpasir dan berbatu selain bukit bukau serta gaung yang dalam.

Kesemua peserta berjaya menawan Puncak Gunung Rinjani setelah mengharungi cabaran yang tersendiri untuk menakluki gunung berapi kedua tertinggi di Indonesia ini.



Menaiki trak kecil yang boleh memuatkan 12 orang untuk ke laluan masuk pendakian Gunung Rinjani.



Semua selamat keluar dan bergambar kenangan di pintu laluan keluar Jalur Torrean.

SEWA KEMUDAHAN IKMa

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) menawarkan perkhidmatan penyewaan kemudahan untuk pelbagai **PROGRAM** dan **MAJLIS**. Berikut adalah kadar sewa yang ditawarkan:

AUDITORIUM DATO' A. MAJID	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 220 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM1,500.00	Sewa 5 jam RM1,250.00
Tambahan caj setiap jam RM190.00	Tambahan caj setiap jam RM180.00
TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)

DEWAN ABDUL AZIZ ISHAK	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 250 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM1,500.00	Sewa 5 jam RM1,250.00
Tambahan caj setiap jam RM190.00	Tambahan caj setiap jam RM180.00
TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM1,750.00 (5 jam)

DEWAN MAKAN (SERI SIANTAN/SERI TANJUNG)	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 220 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM1,500.00	Sewa 5 jam RM1,250.00
Tambahan caj setiap jam RM190.00	Tambahan caj setiap jam RM180.00
LCD Projektor RM600.00 (5 jam)	LCD Projektor RM500.00 (5 jam)

BILIK KULIAH (BESAR) – BUNGA RAYA	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 80 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM500.00	Sewa 5 jam RM380.00
Tambahan caj setiap jam RM65.00	Tambahan caj setiap jam RM65.00
TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)

BILIK KULIAH (KECIL) – MELATI, MELUR & SEROJA	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 30 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM400.00	Sewa 5 jam RM250.00
Tambahan caj setiap jam RM65.00	Tambahan caj setiap jam RM65.00
TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)



BILIK KOMPUTER (BESAR) – ATOM & NANO	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 50 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 9 jam + TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	Sewa 9 jam + TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)
Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan	Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan

BILIK KOMPUTER (KECIL) – XEON	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 30 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 9 jam + TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)	Sewa 9 jam + TV Wall/Smart Board RM400.00 (5 jam)
Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan	Tambahan caj RM30.00 setiap komputer yang digunakan

BILIK PENGINAPAN	
JENIS A	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
RM115.00/malam	RM100.00/malam
GELANGGANG FUTSAL & PETANQUE	
• Wang cagaran RM300.00	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM140.00	Sewa 5 jam RM80.00
Tambahan caj setiap jam RM40.00	Tambahan caj setiap jam RM40.00

SKYLIGHT	
<ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti 80 pax • Wang cagaran RM300.00 	
SWASTA	KOPERASI/ AGENSI KERAJAAN
Sewa 5 jam RM600.00	Sewa 5 jam RM500.00



Maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Fasiliti dan Sajian
Institut Koperasi Malaysia

103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.



03-7964 9000 (samb. 098)



sewa@ikma.edu.my



www.ikma.edu.my



Jurnal

Malaysia Journal of Cooperative Studies (MJCS):

MJCS adalah jurnal akademik yang diterbitkan satu kali setahun oleh IKMa. Jurnal ini menerbitkan artikel penyelidikan tentang koperasi dari seluruh dunia.

BAHAN PENERBITAN

Institut Koperasi Malaysia (IKMa)

**Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
menerbitkan pelbagai bahan
berkaitan koperasi,
termasuk:**

Monograf Penyelidikan:

IKMa menerbitkan monograf penyelidikan tentang pelbagai aspek koperasi. Ia bertujuan untuk membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang koperasi.



Laporan Tahunan

IKMa menerbitkan laporan tahunan yang memaparkan pencapaian dan aktiviti IKMa sepanjang tahun.



Buku

IKMa menerbitkan buku dan rujukan untuk gerakan koperasi. Buku-buku ini meliputi topik seperti tadbir urus, pengurusan kewangan, pengurusan koperasi dan Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara dan lain-lain lagi.



Majalah

Dimensi Koop: Dimensi Koop adalah majalah yang diterbitkan oleh IKMa untuk gerakan koperasi dan orang awam. Majalah ini menyediakan artikel tentang koperasi di Malaysia khususnya. Ia diterbitkan sebanyak empat kali setahun.



INFO: Majalah INFO merupakan majalah tentang aktiviti atau program yang dijalankan oleh IKMa bagi sepanjang tahun. Ia diterbitkan sebanyak dua kali setahun.

Cara Mendapatkan Bahan Penerbitan IKMa

Bahan penerbitan IKMa boleh didapati dengan cara berikut:

- Membeli secara dalam talian: Kebanyakan bahan penerbitan IKMa boleh dibeli secara dalam talian di laman web e-learning.ikma.edu.my.
- Memuat turun secara percuma: Beberapa bahan penerbitan IKMa boleh dimuat turun secara percuma di laman web IKMa.

Untuk maklumat lanjut tentang bahan penerbitan IKMa, sila layari laman web IKMa di <https://www.ikma.edu.my/> atau hubungi Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital di talian 03 7964 9155.